



S A R A W A K

PENYATA RASMI PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI

Sarawak State Legislative Assembly Official Reports and Debates

MESYUARAT KETIGA BAGI PENGGAL KEEMPAT

Third Meeting of the Fourth Session

24 NOVEMBER – 3 DISEMBER 2025

DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK KESEMBILAN BELAS

Nineteenth Sarawak State Legislative Assembly

JUMAAT

28 NOVEMBER 2025

(7 Jamadilakhir 1447H)

KUCHING

Peringatan untuk Ahli Dewan:

Pembetulan yang dicadangkan oleh Ahli Dewan hendaklah disampaikan secara bertulis kepada Setiausaha Dewan Undangan Negeri Sarawak tidak lewat daripada **14 hari selepas persidangan**.

KANDUNGAN

1.0	PEMASYHURAN DARIPADA TUAN SPEAKER.....	1
2.0	PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAPAN-JAWAPAN LISAN	
	(194) Status Projek BALB Tellian.....	1
	(195) Kredit Karbon & Manfaat kepada Komuniti.....	2
	(196) Incentives for Hydrogen & Renewable Energy Investment.....	3
	(197) Status Projek Dewan Kanowit.....	4
	(198) Greater Kuching Traffic & Transport Plan.....	5
	(199) Pembinaan Semula Pejabat Pertanian Simunjan.....	7
	(200) Penyelenggaraan Jalan Balak.....	8
	(201) Pembangunan Balai Polis Lama Siniawan.....	9
	(202) Status of Bintulu Homeless Transit Centre (TTG).....	10
	(203) Cadangan Kiosk Perbankan Balingian.....	11
	(204) Electricity Prepaid Billing System Proposal.....	12
	(205) Statistik Kes Mahkamah Bumiputera.....	13
3.0	PERBAHASAN ATAS BACAAN KALI YANG KEDUA RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2026), 2025 DAN USUL UNTUK MERUJUK RESOLUSI ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2026	
	<i>[Perbahasan daripada Ahli Dewan Biasa berkaitan Supply (2026) Bill, 2025]</i>	
	(1) YB Encik Rolland Duat anak Jubin – (DUN N.48 Meluan).....	15
	(2) YB Ir. Christopher Gira @ Gira anak Sambang – (DUN N.59 Tamin).....	18
	(3) YB Encik Miro anak Simuh – (DUN N. 18 Serembu).....	22
	(4) YB Dato Dennis Ngau – (DUN N.77 Telang Usan).....	24
	(5) YB Encik Adam Yii Siew Sang – (DUN N.74 Pujut).....	28
	(6) YB Enck Kennedy Chukpai Ugon – (DUN N.66 Murum).....	32
	(7) YB Encik Friday anak Belik – (DUN N.39 Krian).....	35
	(8) YB Dato Paulus Palu Gumbang – (DUN N.80 Batu Danau).....	39
	(9) YB Datuk Mong anak Dagang – (DUN N.31 Bukit Begunan).....	43
	(10) YB Tan Sri William Mawan anak Ikom – (DUN N.47 Pakan).....	46
	(11) YB Encik Mohd Chee bin Kadir – (N.40 Kabong).....	49
	(12) YB Tuan Haji Razaili bin Haji Gapor – (N.29 Beting Maro).....	54
4.0	PENANGGUHAN MESYUARAT.....	57

SARAWAK
DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK KESEMBILAN BELAS

Penyata Rasmi

MESYUARAT KETIGA BAGI PENGGAL KEEMPAT

Jumaat, 28 November 2025

Dewan bermesyuarat di Petra Jaya, Kuching pada pukul 9.07 pagi

HADIR

Bil.	Nama	Konstituensi
1.	Yang Berhormat Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Asfia bin Awang Nasar P.S.M., D.A., P.N.B.S., D.S.A.P., D.I.M.P., P.B.K., P.C.E. (Emas) <i>Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak</i>	
2.	Yang Berhormat Dato Haji Idris bin Haji Buang P.S.B.S., D.I.M.P., A.M.N., P.B.S., A.B.S., P.C.D., P.J.P.N., P.T.E. <i>Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak</i>	<i>N.16 Muara Tuang</i>
3.	Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg D.P., P.M.N., D.A., P.N.B.S., J.B.S., P.C.E., P.S.N.B., S.P.D.K. <i>Premier Sarawak</i> <i>Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru</i> <i>Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar</i> <i>Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar</i>	<i>N.26 Gedong</i>
4.	Yang Berhormat Datuk Amar Douglas Uggah Embas D.A., P.N.B.S., P.G.B.K., P.C.E. <i>Timbalan Premier Sarawak</i> <i>Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Kedua</i> <i>Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan</i>	<i>N.37 Bukit Saban</i>
5.	Yang Berhormat Datuk Amar Dr Sim Kui Hian D.A., P.N.B.S., P.J.N., P.B.E. <i>Timbalan Premier Sarawak</i> <i>Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan</i>	<i>N.14 Batu Kawah</i>
6.	Yang Berhormat Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah P.N.B.S., P.G.B.K., P.C.E. <i>Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti</i>	<i>N.56 Dalat</i>
7.	Yang Berhormat Dato Sri Dr Stephen Rundi anak Utom P.N.B.S., P.J.N., A.B.S., P.B.E., P.C.E. <i>Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah</i>	<i>N.69 Kemena</i>
8.	Yang Berhormat Dato Sri Haji Abdul Karim Rahman Hamzah P.N.B.S., P.G.B.K., P.B.S., P.B.E. <i>Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan</i> <i>Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan</i>	<i>N.15 Asajaya</i>

9. Yang Berhormat Dato Sri Lee Kim Shin
P.N.B.S., P.J.N., K.M.N., P.B.S., P.P.B., B.B.S., P.B.E.
Menteri Pengangkutan N.75 Senadin

10. Yang Berhormat Dato Sri John Sikie anak Tayai
P.N.B.S., P.J.N., P.B.S., P.B.E.
Menteri di Jabatan Premier N.60 Kakus

11. Yang Berhormat Dato Sri Haji Julaihi bin Haji Narawi
P.N.B.S., P.G.B.K., P.B.S., K.M.N., P.P.D., P.B.E.
Menteri Utiliti dan Telekomunikasi N.27 Sebuyau

12. Yang Berhormat Dato Sri Roland Sagah Wee Inn
P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.K., P.B.S., P.B.E.
Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat N.20 Tarat

13. Yang Berhormat Datuk Gerawat Gala
P.G.B.K., P.S.B.S., P.B.K.
Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Buruh, Imigresen dan Pemantauan Projek) N.78 Mulu

14. Yang Berhormat Datuk Francis Harden anak Hollis
P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., P.B.E.
Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat (Pembangunan Bakat) N.32 Simanggang

15. Yang Berhormat Datuk Dr Jerip anak Susil
P.G.B.K., A.M.N., P.B.E.
Timbalan Menteri Pengangkutan (Penerbangan dan Jalan Raya) N.19 Mambong

16. Yang Berhormat Datuk Liwan Lagang
P.J.N., P.P.N., K.M.N., J.B.S., P.B.E.
Timbalan Menteri Utiliti dan Telekomunikasi (Telekomunikasi) N.65 Belaga

17. Yang Berhormat Datuk Hajah Rosey binti Haji Yunus
P.G.B.K., J.B.K., P.P.B., P.P.S., P.T.E., P.B.E.
Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (Pembangunan Wanita dan Kanak-Kanak) N.71 Bekenu

18. Yang Berhormat Datuk Haji Len Talif Salleh
P.G.B.K., D.J.B.S., P.B.K., P.P.B.
Timbalan Menteri Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar N.41 Kuala Rajang

19. Yang Berhormat Datuk Dr Haji Abdul Rahman bin Haji Junaidi
P.G.B.K., J.B.S., A.B.S., P.B.E.
Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Penyelaras Projek untuk Agensi Pembangunan Wilayah, Dewan Bandaraya Kuching Utara dan Hal Ehwal Islam) N.4 Pantai Damai

20. Yang Berhormat Datuk Hajah Sharifah Hasidah binti Sayeed Aman Ghazali
P.G.B.K., P.T.E., J.B.S.
Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Undang-undang, MA63 dan Hubungan Negeri-Persekutuan) N.7 Samariang

21. Yang Berhormat Datuk Dr Malcolm Mussen anak Lamoh
P.G.B.K., P.B.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan N.34 Batang Ai
22. Yang Berhormat Datuk Dr Haji Annuar bin Rapa'ee
P.G.B.K., J.B.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat (Pengajian Tinggi dan Inovasi) N.55 Nangka
23. Yang Berhormat Datuk Dr Haji Abdul Rahman bin Haji Ismail
P.G.B.K., A.B.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi & Pembangunan Wilayah (Industri Makanan) N.79 Bukit Kota
24. Yang Berhormat Datuk Dr Penguang Manggil
P.G.B.K., D.J.B.S., K.M.N., P.P.C., P.P.B., P.P.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Kerajaan Tempatan) N.76 Marudi
25. Yang Berhormat Datuk Snowdan Lawan
P.G.B.K., A.M.N., P.T.E.
Timbalan Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan (Industri Kreatif dan Seni Persembahan) N.30 Balai Ringin
26. Yang Berhormat Datuk Abdullah bin Haji Saidol
P.G.B.K., K.M.N., J.B.K., P.T.E.
Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Hal Ehwal Korporat dan Unit Komunikasi Awam Sarawak) N.42 Semop
27. Yang Berhormat Datuk Sebastian Ting Chiew Yew
P.J.N., D.I.M.P., A.B.S.
Timbalan Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan (Pelancongan) N.73 Piasau
28. Yang Berhormat Datuk Ir. Aidel bin Lariwoo
P.G.B.K., P.B.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan (Pembangunan Infrastruktur) N.24 Sadong Jaya
29. Yang Berhormat Datuk Dr Ripin bin Lamat
P.G.B.K., J.B.K., K.M.N., P.T.E.
Timbalan Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan (Pembangunan Usahawan) N.72 Lambir
30. Yang Berhormat Datuk Dr Haji Hazland bin Abang Hipni
P.G.B.K., K.M.N., J.B.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar N.5 Demak Laut
31. Yang Berhormat Datuk Maclaine Ben @ Martin Ben
P.G.B.K., J.B.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi & Pembangunan Wilayah (Komoditi & Pembangunan Wilayah) N.22 Kedup

32. Yang Berhormat Datuk Ricky @ Mohammad Razi bin Sitam
P.G.B.K., K.M.N., J.B.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (Kesejahteraan Komuniti)
N.35 Saribas
33. Yang Berhormat Datuk Henry Harry anak Jinep
P.G.B.K., P.S.B.S., A.B.S.
Timbalan Menteri Pengangkutan (Sungai dan Laut)
N.2 Tasik Biru
34. Yang Berhormat Dato' Murshid DiRaja Dr Juanda bin Jaya
P.G.B.K., DATO' MURSHID DIRAJA, S.S.P.
Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Integriti dan Ombudsman)
N.44 Jemoreng
35. Yang Berhormat Datuk Gerald Rentap Jabu
P.G.B.K., P.S.B.S., A.B.S., P.P.N., J.B.K.
Timbalan Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan (Pembangunan Belia dan Sukan)
N.36 Layar
36. Yang Berhormat Datuk Majang anak Renggi
P.G.B.K., P.S.B.S., P.B.K., A.B.S.
Timbalan Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan (Pembangunan Pelabuhan)
N.70 Samalaju
37. Yang Berhormat Datuk Jefferson Jamit anak Unyat
P.G.B.K., B.B.S., P.B.S., K.M.N., J.B.S.
Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Undang-undang dan Adat Bumiputera)
N.63 Bukit Goram
38. Yang Berhormat Datuk Michael Tiang Ming Tee
P.G.B.K., P.B.S.
Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Kesihatan Awam dan Perumahan)
N.54 Pelawan
39. Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Haji Baki
P.G.B.K., A.B.S., J.B.S., P.S.B.S.
Timbalan Menteri Utiliti (Sarawak Energy Berhad dan PETROS)
N.8 Satok
40. Yang Berhormat Dato' Sri Huang Tiong Sii
P.G.B.K., D.I.M.P., S.S.A.P.
N.45 Repok
41. Yang Berhormat Dato Fazzrudin bin Haji Abdul Rahman
P.S.B.S., J.B.K., P.B.S.
N.6 Tupong
42. Yang Berhormat Tan Sri William Mawan anak Ikom
P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S., P.P.D. (Emas)
N.47 Pakan
43. Yang Berhormat Datuk Mong anak Dagang
P.G.B.K., J.M.N., P.B.S., P.P.D., P.B.K., P.B.E.
N.31 Bukit Begunan
44. Yang Berhormat Dato Paulus Palu Gumbang
P.S.B.S., A.M.N., P.B.S., J.B.K., P.T.E.
N.80 Batu Danau
45. Yang Berhormat Dato Dennis Ngau
P.S.B.S., J.B.S., P.B.S., P.T.E., B.B.S.
N.77 Telang Usan
46. Yang Berhormat Dato Haji Razaili bin Haji Gapor
P.S.B.S., P.T.E., P.B.S.
N.29 Beting Maro

47.	Yang Berhormat Encik Chong Chieng Jen	<i>N.9 Padungan</i>
48.	Yang Berhormat Puan Violet Yong Wui Wui	<i>N.10 Pending</i>
49.	Yang Berhormat Encik See Chee How	<i>N.11 Batu Lintang</i>
50.	Yang Berhormat Datuk Ding Kuong Hiing P.J.N., A.B.S.	<i>N.46 Meradong</i>
51.	Yang Berhormat Dato Ir. Lo Khere Chiang P.S.B.S., B.B.S., J.B.K.	<i>N.13 Batu Kitang</i>
52.	Yang Berhormat Dato Mohd Chee bin Kadir P.S.B.S., A.B.S., P.B.S., P.J.P.N., J.B.S.	<i>N.40 Kabong</i>
53.	Yang Berhormat Dato Miro anak Simuh P.S.B.S., P.B.S.	<i>N.18 Serembu</i>
54.	Yang Berhormat Dato Sri Wong Soon Koh P.N.B.S., P.G.B.K., A.B.S., P.C.E.	<i>N.53 Bawang Assan</i>
55.	Yang Berhormat Dato Rolland Duat anak Jubin P.S.B.S.	<i>N.48 Meluan</i>
56.	Yang Berhormat Encik Wilson Nyabong anak Ijang A.M.N., K.M.N., J.B.S.	<i>N.61 Pelagus</i>
57.	Yang Berhormat Encik John anak Ilus P.B.S., A.P.S.	<i>N.23 Bukit Semuja</i>
58.	Yang Berhormat Ir. Christopher Gira @ Gira anak Sambang P.B.K.	<i>N.59 Tamin</i>
59.	Yang Berhormat Encik Abdul Yakub bin Haji Arbi B.B.S., A.B.S., K.M.N., J.B.K.	<i>N.58 Balingian</i>
60.	Yang Berhormat Encik Safiee bin Haji Ahmad J.B.K., P.P.B.	<i>N.43 Daro</i>
61.	Yang Berhormat Encik Awla bin Dris P.B.S., A.B.S.	<i>N.25 Simunjan</i>
62.	Yang Berhormat Encik Kennedy Chukpai Ugon J.B.S., P.P.N., A.B.S.	<i>N.66 Murum</i>
63.	Yang Berhormat Encik Allan Siden Gramong P.B.S., A.B.S.	<i>N.50 Machan</i>
64.	Yang Berhormat Datuk Hamzah bin Haji Brahim A.M.N., P.M.W.	<i>N.17 Stakan</i>
65.	Yang Berhormat Encik Adam Yii Siew Sang A.B.S.	<i>N.74 Pujut</i>
66.	Yang Berhormat Dr Simon Sinang @ Sinang anak Bada J.B.K., A.B.S., P.B.S., K.M.N.	<i>N.21 Tebedu</i>

67.	Yang Berhormat Encik Billy anak Sujang P.B.S., P.P.B.	<i>N.1 Opar</i>
68.	Yang Berhormat Encik Azizul Annuar bin Pehin Sri Haji Adenan J.B.K., P.B.S.	<i>N.3 Tanjong Datu</i>
69.	Yang Berhormat Encik Yap Yau Sin P.B.S., K.M.N.	<i>N.12 Kota Sentosa</i>
70.	Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Duri P.B.K., A.B.S.	<i>N.38 Kalaka</i>
71.	Yang Berhormat Encik Johnichal Rayong anak Ngipa J.B.S., P.T.E.	<i>N.33 Engkilili</i>
72.	Yang Berhormat Encik Baru Bian	<i>N.81 Ba'Kelalan</i>
73.	Yang Berhormat Encik Friday anak Belik A.B.K., P.P.S., P.P.B., P.B.K., P.P.C.	<i>N.39 Krian</i>
74.	Yang Berhormat Encik Anyi anak Jana P.B.K.	<i>N.49 Ngemah</i>
75.	Yang Berhormat Encik Chieng Jin Ek P.B.S.	<i>N.51 Bukit Assek</i>
76.	Yang Berhormat Encik Royston bin Valentine J.B.K., A.B.S.	<i>N.57 Tellian</i>
77.	Yang Berhormat Encik Lidam anak Assan P.B.S.	<i>N.62 Katibas</i>
78.	Yang Berhormat Encik Nicholas Kudi anak Jantai P.B.S.	<i>N.64 Baleh</i>
79.	Yang Berhormat Encik Johnny Pang Leong Ming P.B.S.	<i>N.68 Tanjong Batu</i>
80.	Yang Berhormat Encik Iskandar bin Turkee P.B.S.	<i>N.67 Jepak</i>

TIDAK HADIR

(Kebenaran di bawah Peraturan Mesyuarat 81)

Bil.	Nama	Konstituensi
1.	Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan D.A., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N. <i>Timbalan Premier Sarawak</i> <i>Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar Kedua</i> <i>Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan</i>	<i>N.82 Bukit Sari</i>
2.	Yang Berhormat Dato Sri Tiong King Sing P.J.N., P.N.B.S., D.P.M.K., D.P.M.K., S.S.S.A., D.S.S.A., J.P.	<i>N.52 Dudong</i>
3.	Yang Berhormat Puan Dayang Noorazah bte Awang Sohor P.B.S.	<i>N.28 Lingga</i>

TURUT HADIR

1. Encik Nur Azhar bin Bujang
Setiausaha Dewan Undangan Negeri Sarawak
2. Encik Abang Mohammad Adib bin Abang Sallehadin
Pemangku Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri Sarawak
3. Inspektor Nelson anak Ensit
Bentara Mesyuarat
4. Inspektor Eldino Erick Joss
Bentara Mesyuarat
5. Encik Nizle anak Junep
Bentara Mesyuarat
6. Encik Muhaimin Naqib bin Narudin
Bentara Mesyuarat
7. Encik Bryan Hansen anak Wennedy
Bentara Mesyuarat
8. Encik Abang Mohd Azamuddin bin Abang Yahya
Bentara Mesyuarat

PETUGAS PERSIDANGAN

PEGAWAI UNDANG-UNDANG DAN PEMBACA PRUF

- | | |
|--|--|
| 1. Encik Syed Rezif Afham bin Wan Alwi | <i>Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak</i> |
| 2. Puan Jemaury Ajerama anak Jemat | <i>Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak</i> |

PEMBACA PRUF

- | | |
|---------------------------------|--|
| 1. Puan Dorensia Dyonie Dominic | <i>Dewan Bahasa dan Pustaka Negeri Sarawak</i> |
| 2. Encik Shamsul Idzam Jamil | <i>Dewan Bahasa dan Pustaka Negeri Sarawak</i> |

JURUTRENGKAS

- | | |
|---|--|
| 1. Puan Sharlina binti Mushar | <i>Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri</i> |
| 2. Puan Malin anak Arit | <i>Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri</i> |
| 3. Puan Nur Afizah binti Raduan | <i>Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri</i> |
| 4. Puan Nurul Izza binti Jem | <i>Pejabat Peguam Besar Negeri Sarawak</i> |
| 5. Encik Mohd Alfadger bin Haji Tuah | <i>Pentadbiran Bahagian Kuching</i> |
| 6. Puan Norzazeeyana binti Nooriaman | <i>Jabatan Tanah dan Survei Sarawak</i> |
| 7. Puan Nurzatul Atikah binti Sahak | <i>Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak</i> |
| 8. Puan Khalida binti Mohd Mahali | <i>Majlis Islam Sarawak</i> |
| 9. Puan Zuriawati binti Mohd Laili | <i>Pustaka Negeri Sarawak</i> |
| 10. Puan Mariadiba Naliza binti Marzuki | <i>Jabatan Agama Islam Sarawak</i> |
| 11. Puan Sabtuyah binti Adeng | <i>Perbadanan Pembangunan Perumahan</i> |
| 12. Puan Ratna Airwati binti Haji Md. Junaidi | <i>Perbadanan Pembangunan Perumahan</i> |
| 13. Puan Meri anak Sabas | <i>Universiti Malaysia Sarawak</i> |
| 14. Puan Noorina binti Hamdan | <i>Universiti Malaysia Sarawak</i> |
| 15. Puan Bernadette Willon | <i>Mahkamah Negeri Sarawak</i> |
| 16. Puan Beatrice Dinus | <i>Hospital Umum Sarawak</i> |
| 17. Puan Sylvia anak Chichik | <i>Jabatan Kastam Diraja Malaysia Sarawak</i> |
| 18. Puan Nur Izzatul Fatimah Abdullah | <i>Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak</i> |
| 19. Puan Siti Noraisah Amalina binti Kaderi | <i>Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak</i> |
| 20. Puan Noor Afifah binti Bahaudin | <i>Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak</i> |
| 21. Puan Rosline anak Dominic Maon | <i>Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Sarawak</i> |
| 22. Puan Emely anak Edmund Beatie | <i>Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Cawangan Sarawak</i> |

23.	Puan Juliana Lugom	<i>Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak</i>
24.	Puan Anieta Sylvester Pungga	<i>Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak</i>
25.	Puan Dayang Duraiza binti Awang Jangka	<i>Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak</i>
26.	Puan Margaret anak Francis Bohui	<i>Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak</i>
27.	Puan Siti Aisyah binti Abdullah @ Rosemary Langub	<i>Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak</i>
28.	Puan Lilian Bian	<i>Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM)</i>

JURURAKAM PERSIDANGAN

1.	Puan Nordiana binti Rabae	<i>Jabatan Penyiaran Sarawak</i>
2.	Encik Vong Choon Chan	<i>Jabatan Penyiaran Sarawak</i>
3.	Puan Siti Nazilafatullaini binti Sukri	<i>Jabatan Penyiaran Sarawak</i>
4.	Encik Lee Chang Fu	<i>Jabatan Penyiaran Sarawak</i>
5.	Encik Shaharuddin bin Abdul Ra'afup	<i>Jabatan Penyiaran Sarawak</i>

JURUCETAK

1.	Encik Mohd Nor Majidi bin Marekan	<i>Percetakan Nasional Malaysia Berhad</i>
2.	Encik Gabriel anak Jimmy	<i>Percetakan Nasional Malaysia Berhad</i>

JURUTEKNIK IT

1.	Encik Abang Hasmadi bin Abang Wahab	<i>SAINS</i>
2.	Puan Zuraidah binti Zaidi	<i>SAINS</i>
3.	Encik Hibatullah bin Malek	<i>SAINS</i>
4.	Encik Moses Sim Shien Yon	<i>SAINS</i>
5.	Encik Alan Chai	<i>SAINS</i>
6.	Encik Ahmad Akmal Afiq	<i>SAINS</i>

MESSENGER

1.	Encik Shah Riwandu Sia bin Ridzuan	<i>Jabatan Pertanian Sarawak</i>
2.	Encik Mohammad Zaidi bin Rambli	<i>Jabatan Pertanian Sarawak</i>
3.	Encik Lawrence Encharang	<i>Jabatan Pertanian Sarawak</i>
4.	Encik Moksen bin Sion	<i>Jabatan Agama Islam Sarawak</i>
5.	Encik Mohamed Nazeerudin bin Gulam Mohamed	<i>Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak</i>
6.	Encik Andy anak John	<i>Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak</i>
7.	Encik Fadillah bin Lokman	<i>Jabatan Tanah dan Survei Bahagian Kuching</i>
8.	Encik Addison anak Fredrick	<i>Jabatan Tanah dan Survei Bahagian Kuching</i>

SEKRETARIAT PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK

1. Tuan Haji Abang Zaabar bin Abang Ballia
2. Cik Noria binti Suut
3. Puan Nur Azira binti Abdul Kadir
4. Encik Nurkhairudin bin Osen
5. Puan Rabiah binti Abdul Kadir
6. Cik Genang anak Timbung
7. Puan Siti Norhiza binti Mohammad Yusri
8. Puan Hanisah Abdullah
9. Cik Siti Halimah binti Mohamad Nawawi
10. Puan Hasfarini binti Hassim

11. Cik Nurhaffizah Abdullah
12. Puan Natasha Nadia binti Mohd. Saidi
13. Puan Angela Lisa anak Mathew Linol
14. Encik Felix Aaron anak Michael
15. Puan Calista Abbie anak Sapa @ Patrick Sapa
16. Cik Sharina binti Sopian
17. Puan Patricia anak Peter
18. Encik Awang Mohammad Asyrul Jaya bin Awang Putra
19. Sarjan Terence anak Jayan
20. Puan Norziana binti Haji Ahmad
21. Encik Mohd Hasfia bin Abdullah
22. Puan Nur Eliana Abdullah
23. Puan Tracy Lyana anak Bana
24. Encik Muhammad Elliyas bin Matali
25. Encik Mohd Zulkhairi bin Mohammad Hejemi
26. Puan Dayang Nazira binti Abang Martaza
27. Puan Jasmine Sinja anak Robinson
28. Puan Dayang Noorazilla binti Jasni
29. Cik Parcelia Renyelia anak Pamg
30. Cik Nur Zafirah binti Affendy Michael
31. Puan Deidre anak Wilson
32. Cik Siti Nur Marsitah binti Abdullah
33. Puan Nur Amira Lystiani binti Poniman
34. Encik Razali bin Awi
35. Puan Nora binti Atem
36. Encik Zahari bin Bolhi
37. Encik Lukas Jammany anak Kated
38. Encik Ruzaimy bin Muhammad
39. Encik Hazrin Syah bin Hamzah
40. Encik Salman bin Jaya
41. Encik Alwie bin Haji Ali
42. Encik Romzi bin Bujang
43. Encik Musa bin Julai
44. Cik Hawa binti Morsad
45. Puan Suraya binti Hamden
46. Puan Noraisah binti Ahmad
47. Cik Siti Zalilah binti Samsawi
48. Encik Iz Mohd. Haiqal Hakeem bin Mahamud

PELAJAR PRAKTIKAL

1. Cik Anysa Qhawiema binti Effendy
2. Encik Mohd. Aidil Farhan

(Mesyuarat dimulakan pada pukul pagi 9.07 pagi)

(Tuan Speaker mempengerusikan Mesyuarat)

DOA

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAPAN-JAWAPAN LISAN

Tuan Speaker: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum. Selamat pagi dan Salam sejahtera. Yang Berhormat Encik Royston bin Valentine, Tellian.

YB Encik Royston bin Valentine: Terima kasih, Tuan Speaker. Salam damai dan Salam sejahtera.

Status Projek BALB Tellian

(194) YB Encik Royston bin Valentine bertanya kepada Menteri Utiliti dan Telekomunikasi. Apakah status terkini Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di kawasan berikut:

- (a) Jalan Lubok Bemban/ Buki Engkerbai/ Ulu Sikat;
- (b) Jalan Tingkas/ Nanga Sikat/ Sebakong; dan
- (c) Sungai Arip/ Ulu Baoh/ Ulu Sebakong.

Timbalan Menteri Utiliti dan Telekomunikasi (Telekomunikasi) (YB Datuk Liwan Lagang): Terima kasih, Tuan Speaker. Yang Berhormat bagi Tellian, seorang Ahli Yang Berhormat yang muda lagi *handsome*, sentiasa mengutarakan keperluan, kehendak kawasan beliau. Tahniah, Yang Berhormat.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Tellian, projek yang dibangkitkan telah diluluskan di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dan status terkini projek tersebut adalah seperti berikut:

- (a) Bekalan air bersih terawat kawasan Lubok Bemban/ Bukit Engkerbai/ Ulu Sikat kini dalam peringkat penilaian tender, peringkat sahaja;
- (b) Bekalan air terawat ke kawasan Sungai Arip/ Ulu Baoh/ Ulu Sebakong kini dalam peringkat reka bentuk. Makmal kejuruteraan nilai dijangka diadakan pada suku pertama tahun 2026; dan
- (c) Projek air terawat ke kawasan Tingkas/ Nanga Sikat/ Sebakong pula kini dalam peringkat reka bentuk.

YB Encik Royston bin Valentine (Soalan Tambahan): Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih Timbalan Menteri di atas jawapan tersebut. Jadi, saya ada dua soalan tambahan.

- (a) Apakah skop kerja projek bagi kawasan Bukit Engkerbai dan Lubok Bemban ini; dan
- (b) Berapakah bilangan isi rumah baharu yang mendapat manfaat daripada projek ini?

Thank you.

Timbalan Menteri Utiliti dan Telekomunikasi (Telekomunikasi) (YB Datuk Liwan Lagang): Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Tellian. Tuan Speaker, bagi soalan nombor satu, skop projek ini merangkumi kerja-kerja utama seperti berikut:

- (a) Pemasangan saluran paip sepanjang 20 km;
- (b) Pembinaan satu tangki simpanan air berkapasiti 1.45 juta liter (Juta L); dan
- (c) Pembinaan stesen pam penggalak.

Bagi soalan yang kedua, projek ini membawa manfaat yang amat baik, luas, iaitu sebanyak 336 isi rumah baru yang akan mendapat manfaat daripada projek ini. Tahniah, Tellian.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat Ir. Christopher Gira @ Gira anak Sambang, Tamin.

YB Ir. Christopher Gira @ Gira anak Sambang: Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan saya, soalan 159, 159.

Tuan Speaker: 195.

YB Ir. Christopher Gira @ Gira anak Sambang: 195, terima kasih.

Kredit Karbon dan Manfaat kepada Komuniti

(195) YB Ir. Christopher Gira @ Gira anak Sambang bertanya kepada Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar: Apakah hasil pelaksanaan inisiatif kredit karbon dan penanaman semula hutan selepas *Conference of the Parties* Ke-28 (COP28) dan bagaimana komuniti luar bandar seperti di kawasan DUN Tamin dapat terlibat serta menerima manfaat ekonomi daripada program ini?

Timbalan Menteri Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar (YB Datuk Haji Len Talif Salleh): Tuan Speaker, masih awal pagi. Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Tamin. Tuan Speaker, sebelum saya menjawab soalan bagi Ahli Yang Berhormat bagi Tamin, izinkan saya mengalu-alukan kedatangan dan kehadiran warga Kuala Rejang di Dewan ini yang terdiri daripada 45 orang pemimpin akar umbi iaitu kaum bapa, wanita, belia, pemuda, kaunselor dan tuai rumah. Diharap kehadiran mereka memberi suntikan nafas baru untuk berkhidmat kepada rakyat di tempat masing-masing.

Jadi, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat bagi Tamin, persidangan *Conference of the Parties* Ke-28 (COP28) yang diadakan di Dubai pada tahun 2023, membincangkan tentang kerjasama antarabangsa melalui Artikel 6 dalam usaha mengurangkan pelepasan karbon melalui *Nature-based solutions (NBS)* seperti inisiatif kredit karbon dan penanaman semula hutan.

Di Sarawak, usaha ini telah dilaksanakan dengan menggubalkan *the Environmental (Reduction of Greenhouse Gases Emission) Ordinance, 2023* bagi mengukuhkan pelaksanaan inisiatif ini, selain daripada *Forest Carbon Activity Rules, 2022*. Peraturan tersebut menetapkan bahawa semua projek karbon hendaklah mematuhi Standard Karbon Antarabangsa yang diiktiraf, antaranya ialah *Verra and Gold Standard* bagi memastikan integriti, ketelusan dan keberkesanan pelaksanaannya.

Susulan daripada pewujudan ordinan dan peraturan tersebut, beberapa inisiatif telah dilaksanakan seperti:

- (a) Sembilan Permit Kajian Karbon Hutan (*Carbon Study Permit*) yang meliputi keluasan kawasan hutan 231,983 hektar manakala tujuh permohonan baharu bagi permit telah diterima dan sedang dalam proses pertimbangan;
- (b) Satu Lesen Karbon Hutan (*Forest Carbon License*) berkeluasan 25,675 hektar telah dikeluarkan; dan
- (c) Satu Memorandum Persefahaman (MoU) antara Sarawak Forestry Corporation (SFC) dan Mubadala Energy, Abu Dhabi berkaitan dengan *Nature-based solutions (NbS)* dan *potential blue carbon* telah ditandatangani pada 6 November 2024.

Bagi memberi peluang dan manfaat kepada komuniti luar bandar seperti di DUN Tamin, pemilik tanah NCR yang diwartakan boleh memohon *Forest Carbon Study Permit* dan *Forest Carbon License* yang akan dikeluarkan sekiranya menepati kehendak ordinan dan peraturan yang telah ditetapkan. Terima kasih.

YB Ir. Christopher Gira @ Gira anak Sambang (Soalan Tambahan): Tuan Speaker, saya ada dua soalan tambahan. Terima kasih kepada Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan.

- (a) Apakah faedah utama inisiatif Kredit Karbon melalui Aktiviti Karbon Hutan *or Forest Carbon Activity* kepada ekonomi Sarawak?
- (b) Apakah latihan dan program pembangunan kapasiti yang disediakan oleh pemaju projek untuk komuniti dalam pengurusan projek karbon dan penanaman semula hutan?

Terima kasih.

Timbalan Menteri Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar (YB Datuk Haji Len Talif Salleh): Terima kasih, Tuan Speaker dan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat bagi Tamin. Untuk soalan pertama, inisiatif Kredit Karbon melalui Aktiviti Karbon Hutan (*Forest Carbon Activity*) memberi peluang kepada Sarawak untuk mempelbagaikan sumber pendapatan negeri melalui pasaran karbon antarabangsa.

Di samping itu, inisiatif ini akan memperkukuhkan komitmen Sarawak terhadap pembangunan hijau dan mampan.

Untuk soalan kedua, pemaju projek akan menyediakan pelbagai latihan dan program pembangunan kapasiti untuk komuniti bagi menyokong pengurusan projek karbon dan penanaman semula hutan. Antaranya termasuklah teknik penanaman semula hutan, pengurusan nurseri anak pokok, pemantauan dan rondaan kawasan projek, pengurusan sumber hutan secara mampan serta latihan inventori biomassa. Program ini turut membolehkan komuniti meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan pengalaman, praktikal dalam pengurusan projek karbon, sekali gus memperkukuhkan penglibatan mereka dalam usaha memelihara alam sekitar. Terima kasih.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Dato Ir. Lo Khere Chiang, Batu Kitang.

YB Dato Ir. Lo Khere Chiang: Thank you, Tuan Speaker. Izinkan saya berpantun sedikit. Although YB Padungan and Pending not here but I am sure they are very sporting.

*Umur YB Padungan tolak umur YB Pending tinggal enam,
Umur saya enam puluh enam;
Umur sini tiga puluh enam,
Soalan saya nombor satu sembilan enam.*

Incentives for Hydrogen and Renewable Energy Investment

(196) YB Dato Ir. Lo Khere Chiang to ask Minister for Energy and Environmental Sustainability: With the state placing strong emphasis on the development of a green economy, what incentives are currently in place to attract foreign investment into Sarawak's hydrogen and renewable energy sectors?

Timbalan Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar (YB Datuk Dr Haji Hazland bin Abang Hipni): Terima kasih, Tuan Speaker.

For the information of the Ahli Yang Berhormat for Batu Kitang, Sarawak continues to attract foreign investment primarily through its strong natural advantages and not just incentives. The state's most compelling asset is its abundant natural gas reserves and low-cost renewable power through our hydro power. These provide the affordable, stable, and large-scale energy needed for low-carbon hydrogen production.

Sarawak holds more than 60% of Malaysia's natural gas reserves which reinforce investor confidence. The availability of low-cost renewable electricity tariff significantly reduces operational costs for investors. This positions Sarawak as a highly competitive hub for hydrogen, clean fuels, and energy-intensive green industries.

Investors benefit from land, infrastructure and corridor-based facilitation through RECODA, SEDC and other relevant authorities.

The support includes:

- (a) Access to strategically located industrial land;
- (b) Availability of ready infrastructure and utilities; and
- (c) Coordinated approvals that shorten project timelines.

These enablers are strengthened by clear state policy direction such as the Sarawak Energy Transition Policy, the Sarawak Hydrogen Economy Roadmap and various pilot hydrogen initiatives, signalling long-term government commitment.

There are also incentives at the national level through MIDA, for example:

- (a) The Green Investment Tax Allowance (GITA);
- (b) Green Income Tax Exemption (GITE); and
- (c) Pioneer Status or Investment Tax Allowance (ITA) for eligible green and technology-driven projects.

YB Dato Ir. Lo Khare Chiang (*Supplementary Questions*): Thank you, Tuan Speaker. Thank you, Deputy Minister, I have two supplementary questions.

- (a) What is the current renewable energy generation capacity in Sarawak and what are its future targets?
- (b) What is the difference in the Investment Tax Allowance (ITA) offered for green tech hydrogen projects compared to other renewable energy activities?

Timbalan Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar (YB Datuk Dr Haji Hazland bin Abang Hipni): Thank you, Member for Batu Kitang. Sarawak currently has a total electricity generation capacity of about 5,898 megawatts. Renewable energy especially hydro power mix up the majority share of this capacity actually it is about 70%. The state has already surpassed its 2030 target for renewable energy capacity ahead of schedule. Sarawak plans to expand its renewable energy capacity to 10,000 megawatts by 2030 and a further growth to 15,000 megawatts by 2035. This ambitious expansion supports Sarawak's goal to be the battery of Asian supplying green clean energy both locally and to neighbouring countries.

For the second question, Green Hydrogen Projects receive an Investment Tax Allowance (ITA) of 100% for 10 years and the other renewable energy activities which include Biomass, Biogas, Solar Wind, Small Hydro, and geothermal are eligible for an ITA of 100% but only for five years. Thank you.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat Encik Allan Siden Gramong, Machan.

YB Encik Allan Siden Gramong: Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan saya nombor 197.

Status Projek Dewan Kanowit

(197) YB Encik Allan Siden Gramong bertanya kepada Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan: Apakah status terkini bagi projek bina baharu dewan serbaguna, pekan Kanowit yang telah diluluskan?

Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Kerajaan Tempatan) (YB Datuk Dr. Penguang Manggil): Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih, Ahli Yang Berhormat N.50 Machan.

Tuan Speaker if we can recall yesterday, Ahli Yang Berhormat from Machan has deliberated in detail on the needs to have a *Dewan Masyarakat di Pekan Kanowit*. It is recorded on page 24 of the hansard dated 27th November 2025. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Machan, pihak Majlis Daerah Kanowit telah mengenal pasti tapak projek untuk tujuan pembinaan dewan serbaguna baru ataupun dewan masyarakat di pekan Kanowit dan permohonan ini akan dikemukakan kepada pejabat tanah dan survei untuk diluluskan dalam masa yang terdekat.

YB Encik Allan Siden Gramong (Soalan Tambahan): Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih, Timbalan Menteri. Saya ada dua soalan tambahan, iaitu:

- (a) Di manakah lokasi tapak projek yang dicadangkan untuk dilaksanakan?
- (b) Apakah komponen projek dan kos yang terlibat?

Terima kasih.

Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Kerajaan Tempatan) (YB Datuk Dr. Penguang Manggil): Terima kasih sekali lagi, Tuan Speaker dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Machan. Untuk menjawab soalan yang pertama, Majlis Daerah Kanowit telah mengenal pasti ataupun mencadangkan dua lot, iaitu Lot 2619 dan 1324, Kanowit Town District, bersebelahan dengan Tamu Kanowit yang sedia ada sekarang ini untuk tujuan tersebut.

Untuk menjawab soalan yang kedua, projek dewan masyarakat baru ini akan dapat menampung lebih kurang 500 orang dan juga pembinaannya termasuk bilik VIP, satu stor, bilik sistem audio, pentas, bilik *mechanical switch board*, bilik persalinan (*changing room*) – bukan bilik bersalin, tandas dan tempat letak kereta yang dianggarkan kosnya RM5 juta seperti mana yang telah diluluskan sebelum ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Encik Yap Yau Sin, Kota Sentosa.

YB Encik Yap Yau Sin: Thank you, Tuan Speaker. My question is number 198.

Greater Kuching Traffic and Transport Plan

(198) YB Encik Yap Yau Sin to ask the Minister for Transport: Whether the ministry has plans to develop a comprehensive traffic management and public transport strategy for Greater Kuching, including Kota Sentosa, to reduce congestion, promote safer roads and improve connectivity to the city centre?

Timbalan Menteri Pengangkutan (Penerbangan dan Jalan Raya) (YB Datuk Dr. Jerip anak Susil): Terima kasih, Tuan Speaker *and* terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Sentosa.

Tuan Speaker, before I answer the question for Member from Kota Sentosa, I would like to record my congratulation to you as well for your renewal of your tenure as a Speaker. But also, I would like to express our appreciation for the fact that you have transformed this august House moving from the old building to this present landmark majesty.

The second one, I want to put a personal record, that you have actually transformed individual members of this august House but the fact that you have brought us to Commonwealth Parliamentary visiting, through that, we have learned the process and procedures, we have learned that the quorum of this parliamentary building and as my experience as a novice on this legislature, we are very grateful that you brought us to this benchmarking experience. Thank you for that.

Now excuse me, Tuan Speaker, lets allow me to answer the question from Member for Kota Sentosa. For the information of the Member from Kota Sentosa, my ministry has established a

comprehensive framework through the Sarawak Integrated Transport Master Plan, we call it (SITMP), which outlines long term strategies to develop an integrated, efficient, and sustainable transport system for Sarawak. This includes traffic management enhancements as well as public transport strategies for Greater Kuching and the Kota Sentosa area.

Aligned with our Post COVID-19 Development Strategy (PCDS) 2030, the SITMP focuses on addressing traffic congestion, enhancing road safety, and strengthening public transport connectivity through key areas such as integrated transport hubs, digitalisation of transport systems, green and low-carbon mobility, regulatory and policy strengthening, and logistics infrastructure development to enhance connectivity and economic competitiveness.

Under this framework, my ministry is implementing initiatives such as the Kuching Urban Transportation System (KUTS), the introduction of modern low emission bus services, and the development of lorry terminals and multimodal transport hubs to promote seamless and sustainable mobility. Under KUTS as well, the future plan for the Red Line which is one of our ART Red Line includes an extension to the 12th Mile of the Kuching–Serian Road, with additional expansions to be considered in subsequent phases.

All transport projects and programmes including infrastructure improvements, public transport enhancement, and smart mobility initiatives, are planned and implemented in line with our SITMP and my ministry's Strategic Plan reflecting my ministry's on-going commitment to the long-term development of an integrated, efficient, and sustainable transport system for the people of Sarawak.

YB Encik Yap Yau Sin (*Supplementary Questions*): Thank you, Deputy Minister for such a comprehensive reply. It goes to show that our government *memang berjiwa rakyat*.

I have two supplementary questions. More specific for my *kawasan*, the *kawasan* that I am representing.

- (a) What are the ongoing plan initiatives to improve the public transport and traffic management for the Kota Sentosa area?
- (b) What is the current status of the proposed Trans-Borneo Railway and will its alignment cover areas within Greater Kuching and Kota Sentosa. In addition, how will the railway integrate with the Kuching Urban Transportation System (KUTS) to enhance connectivity?

Thank you, Tuan Speaker.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Penerbangan dan Jalan Raya) (YB Datuk Dr. Jerip anak Susil): Thank you, the Honourable Member for Kota Sentosa and Tuan Speaker. This question is of real interest and great interest to the Member of this august House, and I will answer it not just for the Honourable Member for Kota Sentosa but also for Honourable Members of this august House.

For the information of Honourable Member for Kota Sentosa, Tuan Speaker, currently my ministry has several ongoing transport management and public transport initiatives within the Greater Kuching area, including Kota Sentosa. Among them is the Kuching Urban Transportation System (KUTS) Phase 1, which covers Kuching and parts of Kota Sentosa area. This phase includes the introduction of the Autonomous Rapid Transit (ART) system and feeder buses services to enhance last-mile connectivity and improve public transport accessibility.

In addition, the Stage Bus Service Transformation (SBST) programme, known as the BAS.MY, is already operational. It provides modern stage bus services within the Greater Kuching area, including Kota Sentosa, to support affordable, reliable, and accessible public transport for the rakyat.

To improve traffic efficiency, my ministry is also implementing smart traffic light systems at critical and busy intersections. These systems will include Transit Signal Priority (TSP) features at

intersections along ART line, which will be centrally managed through the operation control centre to regulate traffic flow, and ensure smoother ART and vehicles movement across the network.

For your second question, Honourable Member for Kota Sentosa, again this is off interest, the Trans-Borneo Railway project is currently undergoing a feasibility study led by the ministry of Transport Malaysia, with active participation from my ministry.

The first interim report was presented on the 30th of October 2025, this year and the study is scheduled for completion by June 2026, next year. Since the study commenced in June 2025, two technical workshops have been conducted with our counterparts from Sabah's relevant agencies to review findings and coordinate planning. A preliminary railway alignment has been proposed, which will be further refined in the study. The study is also exploring the possibility of integrating the railway with the Kuching Urban Transportation System (KUTS), to ensure seamless connections between Trans-Borneo Railway services and local public transport. This integration is expected to improve accessibility within Greater Kuching and Kota Sentosa and enhance overall connectivity across the region.

Hence, my answer, Tuan Speaker.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Encik Awla bin Dris, Simunjan.

YB Encik Awla bin Dris: Terima kasih, Tuan Speaker.

Pembinaan Semula Pejabat Pertanian Simunjan

(199) YB Encik Awla bin Dris bertanya kepada Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah: Apakah status terkini cadangan membina semula pejabat jabatan pertanian dan pejabat peladang di daerah Simunjan yang kini berada dalam keadaan terlalu uzur dan tidak lagi sesuai diduduki?

Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah (Industri Makanan) (YB Datuk Dr. Haji Abdul Rahman bin Haji Ismail): Terima kasih, Tuan Speaker.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Simunjan, cadangan pembinaan Pejabat Pertanian Daerah Simunjan telah disenaraikan untuk dilaksanakan di bawah Pelaksanaan Projek Baharu (Peruntukan Negeri) di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13) melalui Jabatan Kerja Raya (JKR). Penyenaraian ini mengambil kira keperluan semasa, keutamaan pembangunan infrastruktur pertanian di kawasan tersebut serta kesesuaian pelaksanaan mengikut peruntukan yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri.

Berhubung dengan cadangan pembangunan lain termasuk pejabat pertubuhan peladang kawasan, perkara tersebut akan diteliti secara berperingkat berdasarkan keperluan operasi, keutamaan semasa serta kelulusan peruntukan pada peringkat seterusnya. Pihak kami akan memaklumkan dari masa ke semasa sekiranya terdapat sebarang perkembangan baharu berkaitan dengan cadangan pembangunan di kawasan Simunjan.

YB Encik Awla bin Dris (Soalan Tambahan): Terima kasih, Timbalan Menteri dan terima kasih, Tuan Speaker. Saya ada dua soalan tambahan:

- (a) Apakah tujuan dan kepentingan Stesen Pertanian Simunjan dibina semula dan apakah perkhidmatan yang dapat diberikan kepada para petani melalui stesen tersebut?
- (b) Apakah komponen utama yang perlu diambil kira untuk membina sesebuah stesen pertanian?

Terima kasih.

Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah (Industri Makanan) (YB Datuk Dr. Haji Abdul Rahman bin Haji Ismail): Tuan Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Simunjan, keperluan untuk membina semula Stesen Pertanian Simunjan adalah dengan mengambil kira keperluan operasi di mana Jabatan Pertanian Sarawak perlu meneruskan penyampaian perkhidmatan kepada komuniti tani di daerah Simunjan dengan lebih berkesan.

Perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan Pertanian Sarawak, termasuk di Stesen Pertanian Simunjan tersebut akan memberi fokus kepada khidmat nasihat teknikal, melibatkan aktiviti tanaman, perikanan darat dan industri asas tani, selain daripada khidmat nasihat teknikal yang lain termasuk pengurusan penyakit tanaman, pembangunan kelompok petani, latihan teknologi moden, sokongan input dan pemantauan projek-projek agromakanan di kawasan tersebut.

Untuk jawapan soalan yang kedua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Simunjan, pembinaan sesebuah stesen pertanian merangkumi komponen seperti berikut:

- (a) Bangunan pejabat utama;
- (b) Fasiliti teknikal dan operasi seperti stor peralatan dan bilik utiliti;
- (c) Kemudahan awam dan infrastruktur sokongan termasuk parkir, bekalan elektrik dan air, jalan masuk serta kerja-kerja luar;
- (d) Prasarana keselamatan seperti pagar dan pondok pengawal; dan
- (e) Kuarters pegawai/kakitangan, sekiranya diperlukan berdasarkan penilaian keperluan.

Terima kasih.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Encik Nicholas Kudi anak Jantai, Baleh.

YB Encik Nicholas Kudi anak Jantai: Terima kasih, Tuan Speaker.

Penyelenggaraan Jalan Balak

(200) YB Encik Nicholas Kudi anak Jantai bertanya kepada Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan: Apakah langkah yang telah dan akan diambil oleh kementerian berhubung penyelenggaraan jalan balak di mana lesen pembalakan masih aktif tetapi tiada aktiviti dijalankan yang menyebabkan Jabatan Kerja Raya (JKR) tidak mendapat kelulusan untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan jalan tersebut?

Timbalan Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan (Pembangunan Infrastruktur) (YB Datuk Ir. Aidel bin Lariwoo): Terima kasih, Tuan Speaker.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Baleh, Jabatan Kerja Raya Sarawak dan Jabatan Hutan Sarawak telah mengenal pasti jalan balak aktif yang menghubungkan penempatan di kawasan luar bandar di seluruh negeri.

Cadangan bagi mengambil alih jalan balak yang aktif, yang menghubungkan penempatan di kawasan luar bandar telah diluluskan oleh Kerajaan Sarawak.

Buat masa ini, Kerajaan Sarawak sedang dalam prosesewartakan bekas jalan balak (*abandoned logging road*) dan jalan balak aktif (*active logging roads*) dan jalan balak yang tidak aktif (*inactive logging roads*). Apabila proses pewartaan jalan-jalan ini ke status Jalan Raya Negeri (JRN) telah siap, Kerajaan Sarawak akan mengambil alih kerja-kerja penyelenggaraan jalan ini di bawah Program Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri. Terima kasih.

YB Encik Nicholas Kudi anak Jantai (Soalan Tambahan): Terima kasih, Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri di atas jawapan yang diberikan tadi. Tuan Speaker, saya ada dua soalan tambahan.

- (a) Berapakah panjang jalan balak yang telah dikenal pasti untuk diambil alih di bawah Program Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri?
- (b) Berapakah panjang jalan dan pecahan panjang jalan mengikut kategori di bawah Program Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri bagi bahagian Kapit. Terima kasih.

Timbalan Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan (Pembangunan Infrastruktur) (YB Datuk Ir. Aidel bin Lariwoo): Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Baleh dengan dua soalan tambahan tadi.

Untuk menjawab soalan yang pertama, jumlah keseluruhan panjang jalan balak yang dikenal pasti untuk diambil alih di bawah Program Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri adalah sepanjang 5,977.038 km dan untuk soalan kedua, jumlah keseluruhan panjang jalan yang dikenal pasti berdaftar di bawah Program Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri di bahagian Kapit adalah sepanjang 3,781.694 km dan pecahan panjang jalan mengikut kategori Program Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri di Bahagian Kapit adalah seperti berikut:

- (a) Jalan raya Negeri (JRN) sepanjang 2,353/28 km;
- (b) Jalan kampung (JKPG) sepanjang 1,417.82 km; dan
- (c) Jalan pertanian (JPDN) sepanjang 10. 594 km.

Terima kasih.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Dato Miro anak Simuh, Serembu.

YB Dato Miro anak Simuh: Terima kasih, Tuan Speaker. Demi Manchester United kita bersatu, mohon Menteri menjawab soalan 201.

Pembangunan Balai Polis Lama Siniawan

(201) YB Dato Miro anak Simuh bertanya kepada Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan: Adakah Kerajaan Sarawak melalui pihak kementerian ini berhajat untuk membangunkan Balai Polis Lama Pekan Siniawan yang berusia lebih 100 tahun sebagai Muzium Polis Sarawak seperti yang dirancang sebelum ini.

Timbalan Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan (Industri Kreatif dan Seni Persembahan) (YB Datuk Snowdon Lawan): Selamat pagi dan terima kasih, Tuan Speaker,

*Di dalam gua ada hantu,
Saya akan menjawab soalan 201.*

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Serembu, kementerian ini sedia maklum mengenai nilai sejarah Balai Polis Lama Siniawan yang berusia hampir 100 tahun yang dibina sebelum pembentukan Malaysia pada 1963. Selaras dengan nilai sejarah dan warisannya, kementerian melalui kerjasama dengan agensi-agensi berkaitan akan mengkaji kaedah terbaik untuk memulihara dan memelihara bangunan tersebut dan meneroka potensi untuk menjadikannya sebagai tarikan pelancongan. Pada masa ini, cadangan tersebut masih dalam proses perbincangan dan penilaian bersama. Terima kasih.

YB Dato Miro anak Simuh: Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih, Datuk Timbalan Menteri. Saya ada dua soalan tambahan yang dikemukakan.

- (a) Adakah Kerajaan Sarawak mempunyai perancangan untukewartakan Balai Polis Lama Siniawan sebagai bangunan bersejarah?
- (b) Apakah usaha kementerian untuk mempromosi serta memperkasakan Pekan Siniawan sebagai destinasi pelancongan di Sarawak? Terima kasih.

Timbalan Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan (Industri Kreatif dan Seni Persembahan) (YB Datuk Snowdan Lawan): Terima kasih, Tuan Speaker. Untuk menjawab soalan yang pertama, kementerian kita melalui Jabatan Muzium Sarawak memanglah komited untuk mengenal pasti mana-mana bangunan di seluruh Sarawak yang mempunyai nilai-nilai yang bersejarah untuk diwartakan di bawah *Sarawak Heritage Ordinance, 2019* termasuklah Balai Polis Lama Siniawan. Jadi, berdasarkan dalam Ordinan tersebut, sebuah bangunan boleh dipertimbangkan untuk diwartakan sekiranya ia mempunyai; ia dibina sebelum tahun 1940 dan mempunyai nilai yang bersejarah yang *significant*.

Sebarang cadangan untuk mewartakan sesebuah bangunan seperti Balai Polis Siniawan di bawah Ordinan tersebut, memerlukan proses penilaian yang teliti dan komprehensif melibatkan pelbagai pemegang taruh.

Dan bagi soalan tambahan yang kedua pula Tuan Speaker, dalam usaha kita, kementerian untuk memperkasakan Pekan Siniawan sebagai sebuah destinasi pelancongan, kementerian sentiasa menyokong berbagai penganjuran acara di Siniawan seperti contohnya, *Siniawan Country Muzik Festival*. Ini termasuklah menyenaraikan festival ini di bawah kalendar pelancongan Sarawak dan memberi geran sokongan untuk penganjuran acara tersebut.

Kementerian ini dengan kerjasama Tourism Malaysia juga telah membangunkan pakej berteraskan *Sarawak Delta Geopark* (SDGP) yang turut meliputi pekan Siniawan. Pakej ini menggabungkan warisan budaya pekan Siniawan dengan geo tapak berdekatan seperti Tasek Biru, *Paku Rock Maze* dan *Wind Cave Nature Reserve*. Terima kasih.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Encik Johnny Pang Leong Ming, Tanjong Batu.

YB Encik Johnny Pang Leong Ming: Thank you, Tuan Speaker and good morning to everyone in this august House, my question is no. 202. Thank you.

Status of Bintulu Homeless Transit Centre (TTG)

(202) YB Encik Johnny Pang Leong Ming bertanya kepada Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti: What is the current status and expected opening date for the *Tempat Transit Gelandangan* (TTG) facility in Bintulu to support the homeless and improve community wellbeing?

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (YB Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah): Tuan Speaker, sorry for my rock voice. Tuan Speaker, *buah ceri buah terap, ibu Menteri mohon menjawab*. For the information of the Honourable Member for Tanjong Batu, *Tempat Transit Gelandangan* (TTG) facility in Bintulu is currently in its final preparatory phase prior to commencement of operations, expected to be in the first quarter of 2026.

YB Encik Johnny Pang Leong Ming (Soalan Tambahan): Thank you, Tuan Speaker and also thank you to our rock voice Dato Sri Minister. I have two supplementary questions here.

- (a) Is there any upgrading works for the existing Bintulu Hospital?
- (b) What is the Bed Occupancy Rate (BOR) for Bintulu Hospital for the past five years?

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (YB Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah): Hospital?

YB Encik Johnny Pang Leong Ming (Soalan Tambahan): Sorry. Sorry. I go too far. My question number one is:

- (a) What is the maximum capacity for homeless individuals at TTG Bintulu?

- (b) What are the key components or program implemented to TTG Bintulu to support the reintegration or homeless individual into society.

Thank you. Sorry.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (YB Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah): Tuan Speaker, I think he was shocked to hear my voice, so he thought of hospital. He wanted to refer me to hospital, I think. Tuan Speaker, thank you Honourable Member for Tanjong Batu. To answer your first supplementary question, *Tempat Transit Gelandangan Bintulu* is equipped to accommodate up to 30 homeless individuals, comprising of 18 male and 12 female.

To answer the second supplementary question, TTG Bintulu will provide services such as counselling, skills training, job matching in order to support the integration of the productive homeless into society and this is done with the help of from our TTG strategic partners which comprise of government agencies, NGOs and private sectors.

Tuan Speaker, allow me to share some success stories of TTG Sibu, our first *Tempat Transit Gelandangan* in Sarawak, which we hope TTG Bintulu will be able also once it's in operation, we also have success story as what we have in TTG Sibu.

One of the homeless at TTG Sibu has become a security guard and then two of our homeless at TTG Sibu has manage to get the job *untuk jaga tandas*. To manage, to maintain, to clean the one of the public toilets in Sibu. And one of the homeless again at TTG Sibu, we elevate to the role of teacher and we called her teacher Ani. She knows of doing baskets, similar to this but not this one. Similar to this. So, she teaches the others at the TTG Sibu to weave and to weave the basket. And the basket are place at PETRONAS, petrol station in Sibu. This as CSR gesture of PETRONAS.

There are others of course, whom we manage to get employment at coffee shops as well as car wash. I share this story of success story, of course there are also unsuccessful story. But I share this successful story, to give hope to our homeless especially those productive ones. And we hope, as I said earlier to be able to produce also productive homeless. Those that are able to be trained and to be able to be integrated into the society. Thank you.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Encik Abdul Yakub bin Haji Arbi, Balingian.

YB Encik Abdul Yakub bin Haji Arbi: Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan saya 203.

Cadangan Kiosk Perbankan Balingian

(203) YB Encik Abdul Yakub bin Haji Arbi bertanya kepada Premier Sarawak: Ketiadaan kemudahan perbankan menyebabkan penduduk Balingian perlu ke Mukah atau Bintulu untuk melakukan urusan kewangan. Adakah terdapat perancangan untuk menyediakan kiosk perbankan bagi memudahkan penduduk dan merangsang aktiviti ekonomi tempatan?

Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Buruh, Imigresen dan Pemantauan Projek) (YB Datuk Gerawat Gala): Thank you, Tuan Speaker. Thank you, Yang Berhormat Ahli for Balingian. Before I proceed to answer the questions, Tuan Speaker, allow me to extend my sincere my congratulations to you on the appointment, reappointment for a 10th term as Speaker of Dewan Undangan Negeri Sarawak, which to me is a record, not just for Malaysia but for the whole Commonwealth. And I believe, this is a recognition of your distinguished career as a speaker. Very brilliant, knowledgeable and very experience speaker and I have full confident that you will continue to serve with distinction and to elevate the dignity and decorum of our DUN.

Now coming back to the question by the Honourable Member for Balingian. For the information of Yang Berhormat Balingian, the installation of ATM machine that any locations including in Balingian is the decisions of the commercial bank together with Bank Negara, based on commercial

and security consideration. But as far as our government is concern, the initiative *ataupun inisiatif penyediaan perkhidmatan ATM dan Cash Recycle Machine (CRM) di Pejabat Daerah Kecil Balingian akan dilaksanakan pada tahun depan.*

YB Encik Abdul Yakub bin Haji Arbi (Soalan Tambahan): *Thank you, Tuan Speaker, thank you Timbalan Menteri atas jawapan yang very clear. Jadi saya ada dua soalan tambahan.*

- (a) *Apakah inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Sarawak untuk menyediakan Automated Teller Machine (ATM) dan Cash Recycler Machines (CRM) di pejabat daerah dan pejabat daerah kecil di seluruh Sarawak?*
- (b) *Apakah kriteria yang perlu dipenuhi untuk menyertai inisiatif penempatan dan penyediaan perkhidmatan ATM dan CRM di pejabat daerah dan pejabat daerah kecil di Sarawak?*

Thank you.

Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Buruh, Imigresen dan Pemantauan Projek) (YB Datuk Gerawat Gala): Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Balingian. Sehingga kini, terdapat 19 buah pejabat daerah/ daerah kecil yang telah siap dilaksanakan pemasangan ATM dan CRM, dalam fasa pertama dan fasa kedua inisiatif ini akan dilaksanakan mulai pada tahun depan. I have to explain that installation of ATM and CRM machine at the district office and the sub district office is subject to arrangement between the state and the Bank Negara whereby the government has to pay the installation fees as well as the operation operating cost for the ATM machine. This is to provide convenience for members of the public.

And on the second supplementary question, bagi melaksanakan inisiatif penempatan dan penyediaan perkhidmatan ATM di pejabat daerah dan pejabat daerah kecil di Sarawak, beberapa kriteria yang perlu diambil kira sebelum kelulusan dibuat dan antara kriteria tersebut:

Nombor satu, ATM ditempatkan di bangunan pejabat daerah atau pejabat daerah kecil sebagai sebahagian daripada perkhidmatan Kerajaan Sarawak kepada rakyat; dan kedua, bangunan pejabat dalam keadaan yang baik dan selamat serta terdapat kemudahan utiliti terutamanya perkhidmatan telekomunikasi. The banks will require a very stable internet service for the area. Ketiga, kawasan tersebut mempunyai akses jalan raya bagi membolehkan pengisian semula wang tunai ATM dilakukan dengan selamat dan terjamin. The other factor is the banks would lead to get the insurance company to agree to ensure money in-transit from the bank to the ATM. Inilah antara kriteria-kriteria yang diambil kira. Terima kasih.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Encik Adam Yii Siew Sang, Pujut.

YB Encik Adam Yii Siew Sang: Thank you, Tuan Speaker.

Electricity Prepaid Billing System Proposal

(204) YB Encik Adam Yii Siew Sang to ask Minister for Utility and Telecommunication: May I ask if the Ministry or Sarawak Energy Berhad has considered implementing to introduce a prepaid billing system for electricity consumers in Sarawak, or if there are any plans or pilot programmes in place to study its feasibility and potential benefits for consumers?

Timbalan Menteri Utiliti (Sarawak Energy Berhad dan PETROS) (YB Datuk Haji Ibrahim bin Haji Baki): *Terima kasih, Tuan Speaker and thank you also to Ahli Yang Berhormat for Pujut.*

For the information of Ahli Yang Berhormat for Pujut, Sarawak Energy since earlier this year, initiated a market survey on prepaid metering systems. Several prepayment methods have been reviewed and various potential service providers to assess compatibility with the smart metering system currently being deployed by Sarawak Energy. Sarawak Energy will conduct a feasibility study in 2026 next year and will undertake a pilot project for selected customer segments in 2027. This

study and pilot project will address potential challenges in implementing the prepayment system, particularly in areas with low or unstable telecommunications network coverage.

YB Encik Adam Yii Siew Sang (*Supplementary Question*): Thank you, Tuan Speaker and thank you to the Honourable Deputy Minister. I have two supplementary questions.

- (a) When is the smart meter deployment expected to be completed?
- (b) What are the benefits of using the prepaid feature in this smart meters?

Thank you.

Timbalan Menteri Utiliti (Sarawak Energy Berhad dan PETROS) (YB Datuk Haji Ibrahim bin Haji Baki): Thank you, Honourable Member for Pujut for the additional question.

Tuan Speaker, as for answer number one, currently, the deployment of smart meters is at 25% and is expected to reach 70% completion by the year 2030. As for question number two, the prepaid metering system is expected to offer potential benefits to customers including better control over electricity usage, improved budgeting, and enhanced convenience through flexible payment options. Thank you.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Encik John anak Ilus, Bukit Semuja.

YB Encik John anak Ilus: Terima kasih, Tuan Speaker.

*Hantu di gua tiada teman,
Menghuni di sana sekian lama;
Kami datang untuk meneman,
Soalan saya nombor 205.*

Statistik Kes Mahkamah Bumiputera

(205) YB Encik John anak Ilus bertanya kepada Premier Sarawak: Berapakah bilangan kes dan jumlah nilai yang berdaftar di Mahkamah Bumiputera Sarawak terutamanya yang melibatkan pertikaian dan pampasan pengambilan tanah dan tanaman mengikut bahagian di Sarawak?

Terima kasih, Tuan Speaker.

Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Undang-Undang dan Adat Bumiputera) (YB Datuk Jefferson Jamit anak Unyat): Terima kasih, Tuan Speaker, terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Semuja.

*Bukit Goram pergi ke Bukit Semuja,
Singgah di pekan Lachau membeli buah nangka,
Sekarang saya jawab soalan nombor dua kosong lima.*

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Semuja, bilangan kes yang didaftarkan dan jumlah nilai yang melibatkan pertikaian dan pampasan pengambilan tanah dan tanaman di Mahkamah Bumiputera Sarawak setakat ini adalah 303 kes yang melibatkan nilai berjumlah RM19.2 juta di seluruh Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, berikut adalah senarai jumlah kes yang tertinggi mengikut bahagian di Negeri Sarawak.

Daripada keseluruhan kes dan nilainya di Negeri Sarawak, bahagian Limbang mencatatkan kes dan pampasan tertinggi, iaitu 80 kes melibatkan nilai pampasan RM9.3 juta.

Jumlah kes dan nilai pampasan bagi bahagian Sri Aman adalah 63 kes bernilai RM 1.2 Juta, manakala bahagian Bintulu merekodkan 30 kes bernilai RM2.8 juta.

Bahagian Kapit pula mencatatkan 28 kes dengan nilai anggaran RM3 juta, diikuti bahagian Mukah yang turut merekodkan 28 kes dengan nilai RM718 ribu.

Bagi bahagian Betong, sebanyak 24 kes didaftarkan dengan nilai RM424 ribu, manakala bahagian Sibu mencatatkan 17 kes bernilai RM581 ribu.

Bahagian Kuching pula merekodkan 11 kes dengan nilai RM423 ribu, diikuti bahagian Miri yang turut mencatatkan 11 kes bernilai RM217 ribu. Selain itu, Bahagian Sarikei juga mencatatkan sembilan dengan nilai kes berjumlah RM69 ribu, manakala bahagian Serian pula mencatatkan satu kes bernilai RM230 ribu dan Bahagian Samarahan juga turut mencatatkan satu kes dengan nilai RM153 ribu.

Sekian, terima kasih.

YB Encik John anak Ilus (Soalan Tambahan): Terima kasih, Timbalan Menteri atas jawapan yang *very clear*. Tuan Speaker, saya ada dua soalan tambahan.

- (a) Berapakah jumlah kes pampasan tanah yang telah selesai dibicarakan di Mahkamah Bumiputera Sarawak dan nilai pampasan yang terlibat?
- (b) Apakah isu-isu yang menyebabkan kes pampasan tanah tertunggak?

Terima kasih.

Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Undang-Undang dan Adat Bumiputera) (YB Datuk Jefferson Jamit anak Unyat): Terima kasih, Tuan Speaker, terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Semuja.

Untuk soalan tambahan, jawapan soalan tambahan nombor satu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Semuja, sejak tahun 2008 sehingga Oktober 2025, 157 kes mahkamah melibatkan pampasan tanah berjumlah RM12.5 juta telah selesai dibicarakan di Mahkamah Bumiputera Sarawak dan disalurkan kepada pihak yang terlibat. Maklumat terperinci kes pampasan tanah yang telah selesai dibicarakan mengikut bahagian adalah seperti berikut:

Bahagian Kuching mencatatkan sebanyak tujuh kes dengan nilai pampasan berjumlah RM365 ribu manakala bahagian Samarahan merekodkan satu kes bernilai RM153 ribu.

Bahagian Sri Aman mencatatkan 18 kes dengan jumlah pampasan sebanyak RM234 ribu, diikuti bahagian Betong dengan 21 kes bernilai RM226 ribu.

Bagi bahagian Sarikei, sebanyak lapan kes direkodkan dengan nilai RM46 ribu manakala bahagian Sibu mencatatkan 12 kes dengan pampasan bernilai RM450 ribu.

Bahagian Mukah turut merekodkan 12 kes dengan nilai RM124 ribu, diikuti pula bahagian Kapit yang melaporkan 10 kes berjumlah RM1 juta.

Seterusnya, bahagian Bintulu mencatatkan 21 kes dengan pampasan bernilai RM1.8 juta manakala bahagian Miri melaporkan empat kes berjumlah RM67 ribu.

Bahagian Limbang juga mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu 43 kes dengan nilai pampasan sebanyak RM8 juta.

Secara keseluruhannya, jumlah keseluruhan adalah sebanyak 157 kes dengan nilai pampasan keseluruhannya berjumlah RM12.5 juta.

Manakala tunggakan kes pampasan tanah yang masih belum diselesaikan adalah sebanyak 146 kes, iaitu melibatkan jumlah nilai pampasan dianggarkan sebanyak RM6.7 juta. Jadi, jumlah ini merangkumi kes-kes yang masih dalam proses semakan dokumen, penilaian, verifikasi maklumat pemilikan tanah serta urusan pentadbiran antara agensi-agensi berkaitan sebelum dapat diselesaikan sepenuhnya.

Manakala, untuk jawapan soalan yang kedua, isu-isu yang menyebabkan kes pampasan tanah tertunggak ialah tempoh untuk menyelesaikan satu kes mahkamah, khususnya kes pampasan tanah, lazimnya mengambil masa yang panjang, iaitu sekurang-kurangnya tiga bulan sekiranya melalui proses perbicaraan penuh dan kelewatan penyelesaian kes pampasan tanah turut dipengaruhi juga dengan kekurangan majistret khususnya di Mahkamah Bumiputera Daerah. Kekangan ini menyebabkan jadual perbicaraan juga menjadi terhad dan proses penetapan tarikh pendengaran mengambil masa yang lebih lama.

Bilangan kes yang tinggi berbanding kapasiti majistret yang ada menyumbang kepada penangguhan serta pertambahan kes yang masih belum dapat diselesaikan. Jadi, selain itu, tempoh perbicaraan turut berlarutan apabila peguam yang mewakili pihak penuntut atau defendan kerap memohon penangguhan kes di mahkamah, terutamanya di peringkat Mahkamah Bumiputera Daerah dan juga peringkat yang lebih tinggi. Jadi, faktor-faktor yang dinyatakan tadi yang menyumbang kepada kelewatan dan peningkatan jumlah kes pampasan tanah yang masih tertunggak untuk diselesaikan. Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker: Ahli-ahli Yang Berhormat, *question time is up.*

**SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS BACAAN KALI YANG KEDUA
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2026), 2025 DAN
USUL UNTUK MERUJUK RESOLUSI ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
BAGI TAHUN 2026**

Tuan Speaker: Ahli-ahli Yang Berhormat, under Standing Order 31(8), I hereby impose a time limit of 15 minutes on every speech. Honourable Member for Meluan.

YB Dato Rolland Duat anak Jubin: Tuan Speaker, Salam Sarawakku Sayang dan Salam Sarawak Maju Makmur. Saya bersyukur kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan (2026), 2025.

Tuan Speaker, di kesempatan ini, di Dewan yang mulia ini, saya dan warga DUN N.48 Meluan ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak yang telah dianugerahkan *the Order of the Rising Sun, Gold and Silver Star* oleh Kerajaan Jepun pada 11 November 2025. Anugerah tertinggi Kerajaan Jepun ini diberi sebagai pengiktirafan sumbangan Yang Amat Berhormat Premier dalam memperkukuhkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Jepun, khususnya dalam kerjasama ekonomi, tenaga boleh diperbaharui, keselamatan tenaga dan pemuliharaan hutan.

Tahniah juga diucapkan kepada Tuan Speaker atas pelantikan semula sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak bagi penggal ke-10. Selama lebih dua dekad, kebijaksanaan beliau menjadi tonggak utama Dewan ini untuk memastikan demokrasi dilaksanakan dengan penuh matang dan bertanggungjawab.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah kepada sahabat kita, Yang Berhormat N.60 Kakus yang telah dipilih sebagai Presiden Parti Rakyat Sarawak (PRS). Tahniah!

Tuan Speaker, kemelut ekonomi dunia yang tidak menentu dan konflik geopolitik yang tidak berkesudahan adalah satu ujian daya tahan ekonomi sesebuah kerajaan. Sarawak tidak terkecuali

terkesan daripada ketidaktentuan ini. Namun yang demikian, daya tahan kita jelas terserlah kerana masih mampu dengan jangkaan pendapatan mencapai RM12.1 bilion bagi tahun 2025.

Kepimpinan dan kebijaksanaan YAB Premier melalui *economic re-engineering* telah menyelamatkan ekonomi Sarawak. Berkat kepimpinan YAB Premier dengan barisan kepimpinan GPS serta penjawat awam Negeri Sarawak, kita mampu membentangkan Belanjawan 2026 dengan anggaran pendapatan RM13.05 bilion dan memperuntukkan perbelanjaan RM12.9 bilion iaitu merangkumi RM5.6 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan RM7.3 bilion untuk pembangunan serta menjadikan jumlah keseluruhan untuk pembangunan kepada RM9.3 bilion (*brought forward balance*). Malahan, kita masih mampu mencatat lebih RM144 juta untuk tabungan masa hadapan Sarawak. Tahniah dan syabas, YAB Premier!

Seperti kata pakar pengurusan, Peter Drucker, "*the greatest danger in times of turbulence is not the turbulence. It is to act with yesterday's logic*". Oleh itu, pendekatan polisi ekonomi seiring perubahan zaman dengan visi memandang jauh ke hadapan oleh YAB Premier bukan sahaja akan memastikan Sarawak mampu membiayai projek-projek pembangunan tetapi membina ekonomi yang kukuh dan berdaya tahan.

Tuan Speaker, belanjawan kali ini dengan tema "*Memperkasakan Rakyat, Memacu Kemakmuran, Membina Masa Depan Berdaya Tahan*" memberi fokus kemakmuran, membina masa depan berdaya tahan kepada pembangunan infrastruktur, transformasi digital, pembangunan mampan serta kesejahteraan rakyat dengan matlamat membawa Sarawak ke arah ekonomi berpendapatan tinggi dan menjadikan negeri ini sebagai hab tenaga boleh diperbaharui dan hijau. Rakyat N.48 Meluan tidak mahu ketinggalan. Saya ingin terus memperjuangkan dan bekerja lebih keras lagi untuk pembangunan infrastruktur di Meluan.

Bekalan Air

Tuan Speaker, infrastruktur kritikal dan harus diberi perhatian yang lebih di dalam Belanjawan 2026 dan juga Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13) adalah bekalan air bersih terawat di Meluan. Sebagai catatan di dalam Dewan yang mulia ini, saya menggesa agar pembinaan tangki air paras tinggi di Bukit Agok dipercepatkan pelaksanaannya.

Begitu juga, masalah bekalan air tidak berkesudahan di kawasan Pasar Julau, Jalan KJD dan sepanjang jalan Engkamop harus diberikan perhatian khas. Kita faham, kerja-kerja naik taraf mengambil masa. Namun yang demikian, saya menggesa langkah proaktif jangka masa pendek diperkenalkan sementara kerja-kerja naik taraf siap. Saya ingin satu langkah proaktif bukan reaktif. Jangan tunggu ada masalah baru bertindak, kita harus lebih proaktif dan menganggap setiap rakyat yang terkesan oleh masalah bekalan air terputus sebagai VIP. Tindakan bukan sahaja harus segera, namun kita kena sentiasa bersiap siaga sepanjang masa dan sudah ada pelan tindakan.

Saya juga memohon perhatian serius dan kajian menyeluruh berkenaan dengan keselamatan bekalan air di Meluan yang baru-baru ini terjejas oleh pencemaran dan terpaksa ditutup. Apakah tindakan jangka masa pendek dan jangka masa panjang yang akan diambil oleh pihak-pihak bertanggungjawab untuk memberi jaminan bekalan air di Meluan selamat untuk pengguna?

Bekalan Elektrik

Tuan Speaker, saya memohon agar dimasukkan dalam senarai keutamaan penyambungan bekalan elektrik di bawah program *Rural Electricity Supply (RES)* kawasan berikut:

- (a) Rumah Thresa, Batu 15, Jalan KJD;
- (b) Rumah Sandra Umban Jagan, Batu 10, Jalan KJD;
- (c) Rumah Engkiaiu, Serau;
- (d) Rumah Steven Jinggut, Serau; dan
- (e) Rumah Brayan, Rantau Rusa Ulu Kanowit.

Agar penyambungan elektrik dipercepatkan sebab rakyat di kelima-lima rumah ini sudah lama menunggu bila sampai bekalan ini.

Pembangunan Pertanian

Tuan Speaker, saya amat mengalu-alukan belanjawan yang diumumkan agak besar untuk membangunkan sektor pertanian Sarawak di dalam belanjawan kali ini. Oleh itu, saya ingin mendapatkan perincian daripada menteri, daripada jumlah keseluruhan belanjawan ini, berapa yang akan disalurkan untuk pembangunan pertanian di N.48 Meluan? Saya juga ingin mendapatkan perincian daripada jumlah keseluruhan *Agriculture Facilitation Fund* dan AFF Jaya Tani yang telah dibelanjakan lebih daripada RM265 juta. Berapakah dan apakah program yang telah dilaksanakan di Meluan? Begitu juga, daripada peruntukan tambahan RM9 juta tahun 2026, berapakah dan apakah bentuk pembangunan pertanian yang akan dilaksanakan di Meluan.

Selain daripada itu, saya ingin tahu apakah status *Sarawak Agro Fund* atau *Venture Capital*? Adakah program ini masih diteruskan? Berapakah jumlah dana yang tersedia yang boleh dimohon oleh usahawan tani di Meluan dan berapakah yang telah dimohon oleh usahawan tani di Meluan?

Saya juga ingin memohon satu program khas diwujudkan, iaitu bekalan benih bermutu kelapa sawit kepada pengusaha kecil terutama di Meluan. Ini sekurang-kurangnya akan mengurangkan beban kos untuk tanaman semula atau tanaman sulaman pekebun kecil. Saya ingin mencadangkan program ini kerana kelapa sawit memang sudah terbukti mampu memberi pulangan hasil yang baik kepada pekebun kecil.

Seperti rakan saya, N.61 Pelagus, saya juga ingin melihat Meluan dibangunkan sebagai *Sarawak Food Valley*. Di setiap sesi DUN ini, saya konsisten memohon agar dibina *Collecting Processing and Packaging Centre (CPPC)*, *agropark*, *precision farming* untuk Meluan. Saya memohon agar Meluan tidak ketinggalan di dalam perancangan penting kementerian atau sektor pertanian. Begitu juga dalam cadangan pembangunan pertanian serta komoditi yang diangkat oleh Unit Perancang Ekonomi Sarawak kepada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) terutamanya untuk program PROSPEK.

Tuan Speaker,

Peruntukan Penyukatan Tanah Seksyen 6 dan Seksyen 18 Kanun Tanah Negeri

Saya ingin memohon kepada kementerian untuk memberi perincian peruntukan pada tahun 2026 untuk menyukat tanah Seksyen 6 dan Seksyen 18 di bawah Kanun Tanah Negeri di Meluan.

Tuan Speaker, banyak lagi senarai cadangan yang ingin saya sebutkan dan ulasan yang ingin saya lontarkan di dalam Dewan yang mulia ini. Namun yang demikian, saya harus akur dengan kekangan masa yang telah ditetapkan. Oleh itu, saya ingin memberi cadangan agar tempoh persidangan Dewan Undangan Negeri ditambah daripada sembilan hari kepada empat belas hari. Ini adalah untuk membolehkan tempoh masa yang lebih panjang diberikan untuk ahli-ahli Dewan berbahas. Ia juga akan membolehkan lebih banyak lagi soalan lisan dijawab. Untuk kawasan luar bandar seperti di Meluan, terdapat banyak isu yang ingin kita kemukakan di samping menyelitkan cadangan dan ulasan polisi-polisi.

Akhir kata, saya ingin sekali lagi merakamkan tahniah dan juga penghargaan kepada YAB Premier atas inisiatif-inisiatif beliau dalam Belanjawan 2026 ini untuk memperkasakan rakyat, memacu kemakmuran dan membina masa depan Sarawak yang berdaya tahan. Terima kasih juga saya ucapkan kepada semua penjawat awam yang telah bekerja keras untuk memastikan kelancaran persidangan pada kali ini.

Dengan kesempatan ini, saya mengucapkan Selamat Hari Krismas kepada yang merayakan dan Selamat Tahun Baru kepada semua.

Sebelum saya mengundur diri, saya ada dua pantun juga.

*Bukit Stulak di Ulu Entabai,
Tegap berdiri di ibuan kenyalang;
Bajet 2026 YAB Premier matak pemansang datai,
Ngambika rakyat Sarawak senang lantang.*

*Tuak lada menua Julau,
Bau rengut sigi bisa sigi chun;
Aum kunsil Negeri 2025 nadai kachau nadai regau,
Laban Tuan Speaker landik gawa chukup stedy chukup chun.*

(Applause)

Dengan ini, saya sebagai wakil rakyat Meluan menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Perbekalan (2026), 2025 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Premier Sarawak; dan Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru. Sekian, terima kasih.

Timbalan Speaker: Terima kasih, Yang Berhormat Meluan. Seterusnya, kita panggil dengan hormatnya, Yang Berhormat Tamin. Silakan.

YB Ir. Christopher Gira @ Gira anak Sambang: *Dia tadi negeri Julau, saya negeri Selangau. Terima kasih,* Tuan Speaker for giving me the opportunity to debate on the Supply Bill, 2026. I rise today with full confidence, responsibility and commitment to support Budget 2026, tabled by the Right Honourable Premier.

This budget is more than a financial planning. It is clear expression of Sarawak's strategic direction, our development prioritize and our long-term aspirations of a region with constitutional status and autonomy accorded under MA63. Before I proceed further Tuan Speaker, I would like to welcome our Exco Member Pemuda PRS to DUN this morning. I hope they are around, oh yeah, over there. Welcome to the DUN. *(Applause)*

Commendation to the Premier

Tuan Speaker, the Premier has once again demonstrated exceptional leadership in presenting a bold, comprehensive and people-centric budget for 2026. His vision ensures Sarawak remains resilient, competitive and future ready. The budget reflects fiscal discipline, strong economic planning, sustained rural development inclusive opportunities for all communities.

Appreciation to the Honourable Speaker

Tuan Speaker, I also want to record my sincere appreciation and congratulation to Yang Berhormat Tuan Speaker on his reappointment as a Speaker and the longest serving Speaker in the entire Commonwealth. His leadership has ensured that this Dewan maintains dignity, integrity and order of the highest standard.

Premier's International Recognition

Tuan Speaker, I would like to congratulate the Premier for receiving a prestigious award "*Order of Rising Sun, Gold and Silver Star*" from the Japanese Emperor. This recognition reflects Sarawak's leadership in green hydrogen, renewable energy and sustainable economic development. And it places Sarawak on the global map as a future energy powerhouse.

Compliments to GPS Government for Historic Achievements

Under GPS leadership, Sarawak achieved transformative milestones:

- (a) Restoration of MA63 rights;
- (b) Establishment of PETROS;
- (c) Leadership in hydrogen and renewable energy;
- (d) Strong state reserve and continuous surpluses;
- (e) Allocation of 66% of development funds to rural Sarawak;
- (f) Education transformation. Free tertiary education, international schools, digital learning; and
- (g) Stable progressive governance.

These achievements underpin of Sarawak's long-term development.

Overview of Sarawak Budget 2026

Tuan Speaker, overview of Sarawak Budget 2026. Revenue: RM13.05 billion, Ordinary Expenditure: RM12.19 billion, Budget Surplus: RM140 million, Operating Expenditure: RM5.6 billion, Development Expenditure: RM9.3 billion and, Rural Development: RM6.1 billion or equivalent to 66% of the total budget 2026. A strong, strategic and responsible budget for Sarawak.

Federal Allocation

Tuan Speaker, Sarawak receives RM6.0 billion in Federal development allocation. Far less than our RM9.3 billion development spending. Despite our major contributions to the national economy, this allocation remains too small to meet Sarawak's actual needs, especially in the rural area. Sarawak demands fairness, not privilege. Consistent with MA63.

Sarawak Oil and Gas Industry

Tuan Speaker, allow me to touch on the Sarawak oil and gas industry. Yang Amat Berhormat Premier, in his budget speech had laid out the GPS Government's strategic measures to strengthen Sarawak's revenue base, with firm commitment to exploring and diversifying new revenue stream in the year ahead.

Of the RM4.6 billion revenues from the State Sales Tax, RM3.5 billion comes from crude oil, liquefied natural gas and other petroleum products. This explains the importance of revenue from oil and gas in Sarawak.

To secure the continued growth of revenues from oil and gas, it is crucial that the State Government must have regulatory control over the production, allocation and utilization of our natural gas, one of the Sarawak's valuable resources.

Almost 65% of Malaysia's natural gas are founded and produced in Sarawak. Of this, 94% are converted to liquefied natural gas and exported to overseas.

This is not sustainable use of such a vital but depleting natural resources. Sarawak needs gas to attract foreign investments, power generation to realize our goal of being the Energy Hub of the ASEAN in our transition to renewal energy.

I applaud the Sarawak Government efforts to secure greater volume of gas resources by appointing PETROS as the sole gas aggregator for the Sarawak and launching a Sarawak Gas Road Map.

These initiatives by our Yang Amat Berhormat Premier, enable the provision of extensive gas distribution infrastructure like the Bintulu Samalaju pipeline built by PETROS and virtual pipeline to deliver gas to Kuching region to spur economic growth and enhance Sarawak's revenue stream from oil and gas.

I compliment PETROS and the Sarawak Government for providing free piped gas for domestic use to the *rakyat* at Taman Ceria, Miri and Sungai Plan Bintulu and urge the government to extend this privilege to the people elsewhere including my own *kawasan* so that they are too can benefit from the gas resources we have.

If or in the absence of any plan from PETRONAS, Sarawak through PETROS should develop the vast potential of natural gas reserves in the waters off western Sarawak. Through the deployment of carbon capture and storage, we could produce this clean gas for the development of the Kuching Low Carbon Gas Hub to support our important new infrastructure, like the proposed of international airport, new deep seaport at Tanjung Embang which have been announced by Yang Amat Berhormat Premier in his budget speech.

I urge PETRONAS to work closely with the State Government and PETROS to grow our oil and gas sector in the national interests and interests of Sarawak where the bulk of Malaysia gas reserves are located in Sarawak.

Educational Initiatives

Tuan Speaker, under GPS Government Budget 2026 substantial allocation for the education initiatives proposed such as:

- (a) Free education for Sarawakians for the 2026 intake to Sarawak own universities for the selected courses;
- (b) Sarawak International Schools (Cambridge Standard);
- (c) Free laptops for eligible students;
- (d) PTPTN loan discounts for a student; and
- (e) Graduan Pulang Sarawak programme

These policies will uplift families and develop a highly skilled future workforce.

Health & Welfare Assistance

For health and welfare assistance Sarawak Government allocated for:

- (a) RM500 annual health assistance for the senior citizens, it benefits about 100,000 people;
- (b) RM1,800 for Death Compassionate Assistance under Kenyalang Gold Card for the loss of the family; and
- (c) Allocated about RM4 million special fund for the kidney patients.

This Budget prioritize a caring society.

Allowances for the Grassroots Leadership

Tuan Speaker, allowance for increase for councillors' from RM300 per month to RM1,000 per month and plus benefits or RM1,000 per year. And also, the increase of the *Ketua Masyarakat and Ketua Kampung* allowance to increase to RM400 per month. These acknowledge their frontliner service.

Development Issues in Tamin

Tuan Speaker, allow me to touch about the several long standing and urgent matters in Tamin. These issues require urgent attention from state and federal agencies to ensure timely resolution.

Delay of Stapang and Sekuau Water Supply Project and Selangau Water Supply Project

Tuan Speaker, the upgrade of the Stapang and Selangau Water Supply project was approved by the Federal Government in 2016, almost a decade ago.

However, despite repeated reminders inside this DUN and follow-ups, the project has yet to be implemented. This prolonged delay has caused upset residents over the extended wait of the treated water supply. This situation is unacceptable for communities that have waited patiently for nine years. Similarly, for the Selangau Water Supply Project, despite being approved several years, is still not progressing. Therefore, I urge the Federal Ministry to implement these projects as soon as possible.

Urgent Upgrading of Dilapidated Schools.

Tuan Speaker, several schools in Tamin both primary and secondary remain in dilapidated conditions. These conditions pose safety risks affect learning outcomes. I urge the Ministry Education to prioritise repair the dilapidated schools in Tamin, fast track repair and replacement work, allocate additional development for funding.

Upgrading of Rural Clinic in Tamin.

Some clinics in Tamin operate in cramped conditions, with limited medical equipment, insufficient space and critical staff shortages. I urge the Ministry of Health to upgrade all dilapidated Selangau clinics, provide additional medical personnel, and supply essential equipment.

Electricity Access (ALAF Programme)

Tuan Speaker, many longhouses still await to reliable electricity under ALA programme. Electricity is no longer a luxury. It is essential. I urge Sarawak Energy to head a fast track to do the connection to the longhouse.

Road Projects Awaiting Implementation Despite Approval Funding

Tuan Speaker, several key road projects in Tamin have already been approved under both federal and state allocations, yet the implementation is very, very slow. I request JKR and relevant agencies to implement these projects as soon as possible.

NCR Land Survey for the Section 6 & Section 18

The continuation and acceleration of NCR land surveys are vital to protect customary landowners. I request a larger budget for 2026 for Land Survey allocate fund and faster survey team deploy to Tamin.

Long Outstanding Land Ownership issue – Nanga Sekuau Resettlement Scheme

Tuan Speaker, families in the Nanga Sekuau Resettlement scheme have waited decades for land title. Many built their homes based on promises of land ownership yet until today many do not have formal title. I appeal to both the Federal and State Governments to coordinate legal and survey processes, accelerate verification of eligible families and issue formal land title.

Longhouse Loan Scheme

I commend the GPS Government for the providing interest-free loans of under budget 2026 allocated for RM 30,000 per unit to do the repair and RM50,000 for construction a new longhouse per units. This scheme is vital for the preserving rural heritage and improving living standards.

Tuan Speaker, Budget 2026 is strategic, inclusive, transformative and future focused. I herewith, I fully support the supply Bill, 2026. Before I conclude, Tuan Speaker, I would like to take this opportunity to wish our Christian friends a Merry Christmas and Happy New Year 2026, to all the Sarawakians and all Malaysia. Thank you, Tuan Speaker.

Tuan Speaker: Thank you, Yang Berhormat Tamin. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Serembu. Silakan.

YB Dato Miro anak Simuh: Terima kasih, Tuan Speaker atas kesempatan yang diberikan untuk turut sama mengambil bahagian untuk membahas Rang Undang-undang Perbekalan (2026), 2025 yang telah dibentangkan dengan penuh komprehensif dan terperinci oleh Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak, merangkap Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru. RUU ini bukan sekadar dokumen kewangan yang diolah sesuka hati akan tetapi ia adalah iltizam dan cerminan komitmen Kerajaan Sarawak dalam membentuk arah tuju dan dasar-dasar Pembangunan yang mampan, inklusif dan berdaya saing.

Mewakili sekian rakyat dari DUN Serembu, saya dengan rendah hati mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Premier atas penganugerahan *the Order of the Rising Sun Gold and Silver Star* daripada *Emperor* Naruhito Jepun. Satu penghargaan yang diiktiraf dunia luar atas sumbangan dan cetusan idea yang Yang Amat Berhormat Premier bawa bukan sahaja kepada rakyat Sarawak bahkan seantero dunia.

Besarliah harapan saya agar pelaksanaan kesemua strategik teras yang telah digariskan dalam Belanjawan 2026 ini akan dilaksanakan sebaik-baik yang mungkin. Marilah kita semua, bekerjasama berganding bahu baik antara rakyat, kementerian, jabatan, agensi dan swasta bagi merealisasikan hasrat murni bajet ini.

Tuan Speaker, sebelum saya menyentuh beberapa isu spesifik di DUN Murum, saya mewakili rakyat Murum merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Timbalan Premier Sarawak; Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Kedua; dan Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan kerana telah berjaya mengetuai XPDC 2.0 Kementerian MIPD turun padang ke kawasan saya di DUN Murum merentasi jalan Empangan Hidro Murum (68 km) dan bekas jalan balak ke Lusong Laku (55 km) yang amat mencabar.

XPDC 2.0 ini membuktikan kesungguhan Kerajaan Sarawak dalam mencari kaedah terbaik dalam usaha membangun infrastruktur di kawasan pedalaman khususnya jalan bekas balak yang merupakan nadi penghubung utama penduduk di kawasan pedalaman seperti DUN Murum.

ISU-ISU SPESIFIK DI DUN MURUM

Menaik taraf Jalan Bekas Balak di DUN Murum

Tuan Speaker, saya menyambut baik keputusan Kerajaan Sarawak yang telah bersetuju mengambil alih semua jalan balak dan bekas jalan balak di pedalaman bagi tujuan baik pulih, naik taraf dan penyelenggaraan secara berkala bagi memastikan akses ke kawasan pedalaman ini sentiasa dalam keadaan baik dan selamat.

Besarliah harapan saya agar kerajaan dan agensi yang bertanggungjawab bertindak dengan segera mengambil alih jalan bekas balak di DUN Murum. Antaranya, jalan bekas balak di kawasan Jelalong, Tubau, Lusong Laku, Ulu Sungai Belaga, Long Urun, Metalun, Tegulang, Sungai Linau dan Sungai Asap dengan jarak keseluruhannya 715 km.

Jalan Utama ke BRS Sg. Asap

Tuan Speaker, saya memohon mencadang agar jalan utama ke BRS Sg. Asap yang sangat sempit dibesarkan ke *dual carriage way* dengan jarak 25 km termasuk membina laluan motosikal dan pemasangan lampu jalan. Projek ini sangat perlu dan mendesak ekoran pertambahan penduduk sekali gus penambahan penggunaan jalan raya termasuklah kenderaan berat dari beberapa ladang kelapa sawit yang berdekatan.

Jalan ke Lot Pertanian BRS Sg. Asap

Tuan Speaker, saya memohon jasa baik dan merayu kepada agensi yang telah dipertanggungjawabkan untuk membina jalan pertanian ke lot pertanian di BRS Sg. Asap Fasa 1 – pakej A dan B (50 km) untuk mempercepatkan penyiapan projek yang dekat di hati rakyat ini dengan kadar segera. Projek ini telah dimulakan pada tahun 2019, tapi belum siap-siap lagi, saya sedar terdapat beberapa kekangan yang dihadapi namun penantian hampir enam tahun ini bagi saya terlalu lama.

Tuan Speaker, saya juga memohon agar Fasa 2 (85 kilometer) jalan pertanian ini yang telah diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Premier semasa lawatan ke BRS Sg. Asap pada tahun 2021 dimulakan dengan segera kerana penduduk di jajaran fasa kedua ini juga tidak sabar menunggu.

Tuan Speaker, projek ini merupakan *people centric*, walaupun hanya sebuah jalan pertanian yang menghubungkan lot pertanian, namun ia sangat penting dan kritikal bagi penduduk di BRS Sg. Asap untuk mereka mengusahakan satu-satunya plot tanah seluas tiga ekar yang diagihkan kepada mereka 27 tahun yang lalu, apabila dipindahkan ke BRS Sg. Asap bagi memberi laluan kepada projek mega hidro Bakun. Sehingga kini, tanah-tanah ini tidak dapat diusahakan sepenuhnya kerana tiada akses yang menjadi *bottleneck* kepada pembangunan sosial ekonomi penduduk di Skim Penempatan Semula Bakun, Sg. Asap.

Isu Tanah Lot Pertanian di Skim Penempatan Semula Empangan Murum

Tuan Speaker, saya juga memohon pencerahan dari Jabatan Tanah dan Survei berhubung dengan penyukatan tanah lot pertanian di Skim Penempatan Tegulang yang sehingga kini belum diselesaikan lagi. Perkara ini telah menimbulkan masalah kerana rakyat di penempatan ini tidak ada punca pendapatan yang tetap ekoran belum mendapat lot pertanian yang sah untuk diusahakan. Saya mohon agar kerajaan mencari kaedah penyelesaian yang tuntas dengan segera agar program sosioekonomi dapat dijalankan.

Program Bantuan Pertanian

Tuan Speaker, sektor pertanian merupakan strategik teras yang utama dalam Bajet 2026 ini dan mendapat peruntukan yang besar. Saya menyambut baik inisiatif kerajaan untuk memperkasakan *agropreneur* dan komuniti luar bandar bagi meningkatkan produktiviti pertanian melalui Dana Fasilitasi Pertanian (AFF) dan Program AFF Jaya Tani, *AgroCOP* dan *Farm Road*. Besarlah harapan saya agar M-FICORD melalui Jabatan Pertanian Sarawak membantu *agropreneur* kita di DUN Murum khususnya di Tubau, Asap, Urun, Metalun, Tegulang dan Linau melalui inisiatif AFF dan Program AFF Jaya Tani, *AgroCOP* dan *Farm Road*.

Sektor Pelancongan

Tuan Speaker, sektor pelancongan merupakan salah satu penyumbang utama ekonomi Sarawak. Sektor ini di lihat sebagai *low hanging fruit* kepada penduduk di pedalaman seperti kawasan Murum dan Belaga yang mempunyai potensi besar sebagai destinasi ekopelancongan berasaskan budaya, pengembaraan dan alam semula jadi dengan khazanah budaya etnik yang unik serta keindahan alam yang masih terpelihara.

Raw Water Intake

Tuan Speaker, saya memohon mencadangkan agar Kementerian iaitu MUT mencari lokasi baharu yang sesuai untuk *raw water intake* bagi loji pemprosesan air bersih di BRS Sg. Asap untuk memastikan sumber bekalan air yang stabil tidak kira pada musim hujan ataupun kemarau.

Pusat Hemodialisis di Klinik Kesihatan Sg. Asap

Tuan Speaker, sekali lagi saya memohon agar pusat hemodialisis ditempatkan di Klinik Kesihatan Sg. Asap memandangkan bilangan pesakit kita kian meningkat dari Belaga, Sg. Asap dan Tubau yang terpaksa ke Hospital Bintulu, Hospital Miri malah ke Hospital Sibu untuk mendapatkan rawatan yang menelan kos tinggi.

Timbalan Speaker: Sila gulung, Yang Berhormat.

YB Encik Kennedy Chukpai Ugon: Ya, *last one*. This is very important one.

Isu Kad Pengenalan Hijau/ Sijil Lahir berstatus “Belum Ditentukan”

Tuan Speaker, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini berhubung isu penduduk kita yang masih memegang kad pengenalan hijau dan sijil lahir berstatus “*belum ditentukan*” walaupun ada antara golongan ini telah tinggal di Sarawak selama empat generasi. Penduduk ini menghadapi sekatan untuk mengakses perkhidmatan asas seperti pendidikan, penjagaan kesihatan dan bantuan kerajaan. Kerajaan melalui JPN telah melaksanakan Program Petugas Khas (PPK) pada tahun 2023 dan 2024, malangnya saya difahamkan bahawa Program PPK tersebut tidak mencakupi penyelesaian bagi penduduk tempatan yang memegang kad pengenalan hijau dan sijil lahir berstatus “*belum ditentukan*”.

Tuan Speaker, oleh itu, saya merayu kepada kerajaan untuk mengambil perhatian sewajarnya agar isu penduduk kita yang masih memegang kad pengenalan hijau dan sijil lahir berstatus “*belum ditentukan*” khususnya di kawasan Murum ditangani secara bijak dan holistik melalui jalur Perlembagaan Persekutuan atau melalui kaedah-kaedah di bawah Akta Pendaftaran Negara dan bidang kuasa Ketua Pendaftaran Negara demi kesejahteraan rakyat kita.

Tuan Speaker, bagi mengakhiri ucapan perbahasan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas, tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Speaker dan Yang Berhormat Dato Timbalan Speaker kerana telah berjaya mengendalikan persidangan kita dengan begitu bijak, profesional dan cemerlang sekali. Tidak lupa juga kepada Setiausaha DUN, pegawai-pegawai dan petugas-petugas DUN, Setiausaha Kerajaan Sarawak, semua Ketua Jabatan Kerajaan Negeri dan Persekutuan, agensi-agensi kerajaan yang telah memberi komitmen yang tinggi dalam menjalankan tugas masing-masing di persidangan kali ini. Dengan kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Natal (*Merry Christmas*) kepada rakan-rakan yang beragama Kristian dan Selamat Tahun Baru (*Happy New Year*) 2026 kepada seluruh rakyat Sarawak. Dengan ini, Murum mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan (2026), 2025 dan Usul untuk merujuk Resolusi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2026. Sekian, terima kasih. May God bless Sarawak.

Timbalan Speaker: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Murum. Seterusnya, kita dengan hormatnya mempersilakan Yang Berhormat bagi Krian. Silakan.

YB Encik Friday anak Belik: Terima kasih, Tuan Speaker. Saya bersyukur dan amat berterima kasih kerana sekali lagi diberikan peluang untuk turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan (2026), 2025 yang telah dibentang oleh Yang Amat Berhormat Premier, Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru, yang juga ahli untuk Gedong pada 24 November yang lepas. Di kesempatan ini, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Premier atas kejayaan membentangkan satu lagi Belanjawan Sarawak bagi tahun 2026. I would also like to record and convey my heartfelt congratulations to Yang Amat Berhormat Premier for being conferred with the Order of the Rising Sun, Gold and Silver Star, the first and highest national decoration awarded by the Japanese Government, specifically awarded in recognition for his work in energy and environmental cooperation internationally.

Tuan Speaker, kerangka Belanjawan Sarawak bagi tahun 2026, amatlah teliti dengan mengambil kira berbagai dimensi sama ada dari dalam mahupun luar, iaitu dari segi ekonomi, politik dan sosial. Menurut Yang Amat Berhormat Premier “*these forces, often volatile and unpredictable, necessitate a budgetary framework that is responsive to new challenges, resilient against volatility, and strategically aligned with our long-term objectives*”. Berlatarbelakangkan senario ini, maka Belanjawan Sarawak 2026 yang bertemakan “*Empowering People, Advancing Prosperity, Building A Resilient Future*” adalah satu bajet yang *inclusive* dan *people centric*, *caring* dan berpandangan jauh ke arah memantapkan ekonomi Sarawak yang kukuh dan berdaya saing.

Tuan Speaker, pertumbuhan ekonomi Sarawak dijangka terus kukuh dan berkembang di antara 4.5% ke 5.0% pada tahun 2025 walaupun berhadapan dengan keadaan ekonomi global yang tidak menentu. Kerajaan dengan langkah berani telah memperkenalkan beberapa inisiatif baru

melalui *revenue-reengineering* dan menstruktur semula asas atau punca pendapatan kerajaan. Antaranya ialah melalui pencukaian seperti *State Sales Tax* ke atas *oil and gas*, hasil bukan cukai dan daripada pelaburan-pelaburan dalam negeri. Dengan langkah dan strategi yang telah diambil, sehingga bulan Oktober 2025, kerajaan telah memperoleh hasil berjumlah RM10.3 bilion dan hasil ini dijangka akan mencecah RM12.1 bilion menjelang akhir tahun 2025.

Tuan Speaker, Bajet 2026 juga bersandarkan kepada lima tonggak utama, iaitu:

- (a) Strengthening Fiscal and Structural Reforms;
- (b) Prudent Fiscal Management;
- (c) Expansionary Budget;
- (d) Boosting Revenue; *dan*
- (e) Promote Inclusive Development and Equitable Wealth Distribution.

Di samping itu, Bajet 2026 turut mengetengahkan lima matlamat utama dengan sembilan teras strategik. Dengan anggaran hasil bagi tahun 2026 ialah RM13.1 bilion, kerajaan akan memperuntukkan RM12.9 bilion dalam Belanjawan 2026. Berdasarkan unjuran hasil negeri bagi tahun 2026 pada RM13.1 bilion berbanding perbelanjaan pada RM12.91 bilion, maka Sarawak sekali lagi mencatatkan lebih sebanyak RM144 juta. Daripada RM12.91 bilion, RM5.6 bilion digunakan sebagai perbelanjaan operasi, manakala RM7.3 bilion digunakan untuk perbelanjaan pembangunan. Sekali lagi, bajet Sarawak pada tahun 2026 adalah *development bias budget* yang memberi fokus kepada sektor luar bandar, memberi penekanan kepada pembangunan infrastruktur, transformasi digital dan menyejahterakan masyarakat.

Isu-Isu di kawasan N.39 Krian

Tuan Speaker, dengan kesempatan ini, saya ingin mengutarakan isu-isu yang berkaitan dengan pembangunan di kawasan DUN Krian seperti berikut:

PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

(a) Jalan dan Jambatan

Tuan Speaker, sekali lagi, di Dewan yang mulia ini, saya ingin membawa beberapa isu berkaitan dengan kemudahan infrastruktur dan kemudahan asas yang masih diperlukan rakyat di kawasan N.39 Krian. Antaranya ialah:

- (i) Naik taraf jalan akses ke Ulu Sebetan yang terdapat empat buah rumah panjang dan sebuah sekolah rendah.
- (ii) Naik taraf jalan akses ke Lubok Kepayang, Belawong, Tanjong, Engkala, Awik, empat buah rumah panjang dan sebuah sekolah rendah.
- (iii) Naik taraf jalan akses menuju ke Rumah Ancharang, Nanga Alum, Ulu Gerenjang dari Jalan Ulu Krian.
- (iv) Naik taraf jalan menuju ke Rumah Dius/ Rumah Andrew Aji, Kedoh, Sebelak Roban.
- (v) Naik taraf Jalan Ulu Krian dari Ulu Gerenjang ke Simpang 4, Ulu Budu.
- (vi) Menggantikan jambatan Sungai Krian di Jalan Nanga Batang.
- (vii) Menggantikan jambatan di Sungai Ibus, jalan ke Sungai Sawa, Kop Ibus.
- (viii) Naik taraf Jalan Sungai Jirak ke Jalan Ulu Awik.
- (ix) Naik taraf Jalan SK Ulu Awik, yang terdapat empat buah rumah dan sebuah sekolah rendah.

(b) Kemudahan Asas/ Utiliti

Bekalan Elektrik

Tuan Speaker, masih terdapat beberapa kawasan dan rumah panjang yang belum dibekalkan dengan bekalan elektrik daripada grid. Pihak kita sudah mengemukakan permohonan kepada pihak kementerian untuk disambung api menggunakan ALAF. Namun, daripada 300 lebih senarai yang kita hantar hanya tujuh yang sudah diluluskan. Maka dengan ini, saya sekali lagi merayu supaya permohonan ini diberi keutamaan menggunakan peruntukan sebanyak RM150 juta yang telah diumumkan oleh YAB Premier baru-baru ini. Di samping itu, saya juga ingin mengemukakan keutamaan bagi dua buah rumah panjang yang setakat ini belum lagi dibekalkan dengan bekalan elektrik 24 jam, iaitu Rumah Panjang Bidah, Sungai Entanggur, Roban (21 pintu) dan Rumah Majid, Tenggalat Baru, Krian (28 pintu). Bantuan kerajaan amatlah diperlukan kerana kos yang dikenakan oleh pihak pembekal terlampau tinggi dan diluar kemampuan penduduk rumah panjang terbabit.

Bekalan Air Bersih Terawat

Tuan Speaker, sekali lagi saya merayu supaya proses membawa bekalan air terawat ke kawasan Ulu Sebetan, Brayang/ Mudong/ Kop Ibus yang sudah diluluskan pada tahun 2024 dipercepatkan demi kesejahteraan penduduk di kawasan terbabit.

Dengan ini juga, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Utiliti kerana baru-baru ini pada 1 November yang lepas telah melawat loji air di Lichok di mana beliau merasmikan sistem akut bekalan air di Loji Lichok yang dapat menampung keperluan untuk Saratok dan daerah Kabong.

Telekomunikasi (Liputan Telefon dan Internet)

Untuk memastikan penduduk di luar bandar tidak ketinggalan dalam bidang digital, saya mohon pihak MCMC dan SMA dan SDEC supaya bilangan menara telekomunikasi di DUN Krian ditambah. Buat masa ini, masih terdapat tempat-tempat seperti di Ulu Krian, Awik, Kabo, Sebelak yang masih menghadapi masalah liputan telefon dan internet.

Di samping itu, masih terdapat menara-menara telekomunikasi yang sudah siap didirikan tetapi belum beroperasi sepenuhnya atau masih menghadapi masalah akibat daripada masalah liputan yang tidak konsisten. Dengan ini, saya merayu kepada pihak berwajib untuk menyegerakan pengoperasian dan menyelenggara menara-menara tersebut dengan segera.

PEMBANGUNAN EKONOMI

Tuan Speaker, sektor pertanian tetap menjadi tonggak utama dalam pembangunan ekonomi Sarawak. Pada tahun 2024, sektor ini menyumbang sebanyak RM15.1 bilion kepada GDP Sarawak. Aktiviti pertanian masih menjadi *mainstay* kepada kehidupan penduduk di luar bandar, di mana kebanyakan mereka terlibat dengan penanam kelapa sawit, lada dan tanaman kontan yang lain. Di DUN Krian, selain menjadi peserta projek SALCRA, ramai juga yang mengusahakan tanaman kelapa sawit secara peribadi ataupun *small holder*.

Maka dengan ini, Tuan Speaker, saya mohon supaya kerajaan menyediakan lebih banyak peruntukan kewangan untuk membantu para petani dalam bentuk skim tanaman baru, bantuan jalan ladang dan bantuan-bantuan lain terutama dalam bidang pertanian moden. Berdasarkan permintaan yang diterima, saya juga mohon supaya peruntukan untuk ternakan seperti ayam, itik, khinzir dan perikanan darat ditambah untuk menyahut bilangan permohonan yang diterima. Selain itu, bantuan input pertanian seperti baja, racun dan input-input lain juga harus disediakan untuk meringankan bebanan petani ataupun pekebun kerana harga bahan ini amatlah tinggi.

Dengan ini, juga saya menyahut dan seiring dengan permintaan rakan-rakan saya supaya *Agriculture Facilitation Fund* ataupun AFF disediakan semula seperti sebelum ini.

Mini Agropark di Sebetan

Tuan Speaker, kawasan Sebetan pada satu ketika dahulu pernah diusahakan sebagai kawasan tanaman padi oleh Jabatan Saliran dan Perparitan yang melibatkan kawasan seluas lebih 500 hektar. Walau bagaimanapun, kawasan tersebut kini terbiar agak sekian lama. Untuk itu, Tuan Speaker, saya mohon supaya kawasan berkenaan di *rehabilitate* ataupun dihidupkan semula dengan inisiatif pertanian moden dan menjadikan Jabatan Pertanian sebagai agensi pelaksana.

PEMBANGUNAN PENDIDIKAN DAN MODAL INSAN

Seterusnya, saya hendak menyentuh sedikit mengenai pembangunan pendidikan dan modal insan. Seperti di kawasan lain juga, di Krian, kita mempunyai beberapa sekolah yang agak daif. Daripada 28 buah sekolah rendah, hanya tiga yang sudah dibaik pulih ataupun dibina baru dan berbaki lagi 25 buah sekolah. So, dengan ini kita memohon supaya kementerian mengambil berat hal ini supaya dapat memberi keselesaan kepada pelajar dan guru yang mengajar di sekolah-sekolah berkenaan.

Kita juga memohon supaya pembinaan semula Sekolah Menengah Kerajaan Saratok dipercepatkan yang kita dipahamkan sudah dalam radar Kementerian Pendidikan Malaysia, serta pembinaan semula SK Ulu Kabo yang sering dilanda banjir dan satu tapak telah dikenal pasti dan diluluskan supaya pembinaan semula sekolah berkenaan dipercepatkan.

PEMBANGUNAN SOSIAL

Timbalan Speaker: Sila gulung, Ahli Yang Berhormat.

YB Encik Friday anak Belik: Ya, sebentar lagi. Untuk bantuan kebajikan, kita nampak dalam Bajet 2026 banyak inisiatif yang telah diperkenalkan. Jadi, kita mohon supaya jabatan berkenaan, Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk memperhebatkan *outreach programme* bagi menjelaskan apakah bantuan-bantuan ini kepada masyarakat di luar sana.

Akhir sekali, berkenaan dengan isu sosial. Saya amat berterima kasih dan memberi penghargaan kepada PDRM Saratok kerana telah banyak melakukan rondaan dan tangkapan sejak kebelakangan ini. Seramai 113 individu yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah telah dicekup walaupun kita kekurangan anggota di Unit Narkotik, di IPD Saratok. Maka, kita memohon supaya pengurusan PDRM Sarawak, kalau dapat, menambah keanggotaan Unit Narkotik di IPD Saratok mengikut keperluan semasa bagi memastikan keberkesanan yang lebih tinggi.

Sebagai penutup, Tuan Speaker, Bajet Negeri Sarawak yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Premier pada 24 November lepas bukan sekadar dokumen perangkaan kewangan tetapi suatu manifestasi hala tuju besar negeri kita untuk mengangkat Sarawak ke tahap yang lebih makmur, inklusif dan berdaya saing. Belanjawan 2026 dengan anggaran perbelanjaan RM12.91 bilion dan unjuran lebih RM144 juta membuktikan bahawa Sarawak berdiri atas fiskal yang kukuh, pengurusan kewangan yang berhemah serta keyakinan ekonomi yang terus mengukuh.

Bajet ini membawa dan memberi harapan ke arah masa depan yang lebih cerah, lebih adil dan lebih mampan untuk semua rakyat Sarawak. Kita harus bergerak bersama dengan tekad dan komitmen untuk memastikan visi Sarawak Maju Makmur 2030 dapat direalisasikan. Sebelum mengakhiri ucapan saya, Tuan Speaker, dengan ini, saya mengucapkan selamat menyambut Hari Krismas kepada rakyat yang beragama Kristian dan Selamat Tahun Baru pada seluruh rakyat Sarawak.

Maka dengan ini, Tuan Speaker, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan (2026), 2025. Terima kasih.

Timbalan Speaker: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Krian. Seterusnya, Ahli Yang Berhormat bagi Batu Danau. Silakan.

YB Dato Palu @ Paulus Palu Gumbang: Terima kasih, Tuan Speaker. Salam sejahtera, Salam Sarawak Maju Makmur. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian bagi menyokong Rang Undang-undang Perbekalan (2026), 2025 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Premier, Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru; Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar; Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar; dan Ahli Dewan Undangan Negeri bagi N.26 Gedong pada 24th November yang lepas.

Tuan Speaker, before I continue with my debate, I would like to join my other Honourable colleagues to congratulate on the reappointment of our Speaker, the Speaker of this august House. With this reappointment, there is no doubt that he has set a record as the longest serving Speaker in Malaysia.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Premier Sarawak di atas penganugerahan pingat *the Order of the Rising Sun, Gold and Silver Star* oleh Baginda Maharaja Jepun pada 11 November 2025. This award is the testimony of Yang Amat Berhormat Premier's outstanding contribution at strengthening friendship and ties between Sarawak and Japan.

Tuan Speaker, setinggi-tinggi tahniah juga kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang telah dianugerahkan Darjah Kebesaran Bintang dan Pingat Negeri Sarawak bersempena dengan sambutan perayaan hari lahir ke-79 Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak pada 11th November yang lalu.

Ahli-ahli yang dimaksudkan ialah:

- (a) Yang Berhormat Datuk Henry Harry anak Jinep, N.2 Tasik Biru;
- (b) Yang Berhormat Datuk Gerald Rentap Jabu, N.36 Layar;
- (c) Yang Berhormat Datuk Majang anak Renggi, N.70 Samalaju; dan
- (d) Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Haji Baki, N.8 Satok.

Yang telah dianugerahkan dengan Darjah Utama Yang Amat Mulia Bintang Kenyalang Sarawak, Panglima Gemilang Bintang Kenyalang (P.G.B.K.) yang membawa gelaran Datuk.

- (a) Yang Berhormat Dato Haji Razaili bin Haji Gapor, N.29 Beting Maro;
- (b) Yang Berhormat Dato Miro anak Simuh, N.18 Serembu; dan
- (c) Yang Berhormat Dato Rolland Duat anak Jubin, N.48 Meluan.

Yang sama-sama dianugerahkan dengan Darjah Utama Yang Amat Mulia Bintang Sarawak Panglima Setia Bintang Sarawak (P.S.B.S.) yang membawa gelaran Dato. Tahniah juga disampaikan kepada:

- (a) Yang Berhormat Dr Simon Sinang @ Sinang anak Bada, N.21 Tebedu; dan
- (b) Yang Berhormat Encik Azizul Annuar bin Pehin Sri Haji Adenan, N.3 Tanjong Datu.

Yang dianugerahkan Johan Bintang Kenyalang (J.B.K.) serta Yang Berhormat Tuan Iskandar bin Turkee, N.67 Jepak yang dianugerahkan dengan Pegawai Bintang Sarawak (P.B.S.).

Tuan Speaker, my heartiest congratulations also to Yang Amat Berhormat Premier for once again successfully tabling a rural focused and development biased budget totalling RM12.9 billion,

out of which RM7.3 billion was allotted for Development while the rest amounting to RM5.6 billion was for Operating Expenditure.

This budget is indeed a reflection of the State Government's success in her revenue engineering strategies as well as its visionary, far sightedness and prudent financial management.

The 2026 budget with the theme *"Empowering People, Advancing Prosperity, Building a Resilient Future"* must be lauded as this is a clear manifestation of the GPS Government under the leadership of Yang Amat Berhormat Premier's sincere and continuous effort in giving every opportunities for all Sarawakian of all ages and walks of life to move forward by empowering them to participate fully and meaningfully in the state's progress.

Jumlah yang begitu besar untuk tujuan pembangunan sekali lagi adalah cerminan keprihatinan dan kepedulian Kerajaan GPS terhadap masyarakat keseluruhannya dan rakyat di luar bandar khususnya.

Saya penuh yakin, peruntukan yang sedemikian sudah tentu akan mempunyai impak positif di dalam membantu masyarakat luar bandar untuk mencapai satu tahap pembangunan yang lebih mampan dan serta memenuhi keperluan asas yang amat diperlukan seperti jalan perhubungan desa, bekalan elektrik dan bekalan air bersih.

Sarawak Sabah Link Road 2 Dan Northern Coastal Highway

Tuan Speaker, I would like to take this opportunity to thank both the Federal and State Government for the implementation of two major projects which are currently under implementation in Limbang and Lawas. The projects are namely:

- (a) The Sarawak/Sabah Link Road Phase 2 which is jointly financed by both the Federal and State government. This project was recently launched by the Yang Amat Berhormat Prime Minister Datuk Seri Annuar Ibrahim at Nanga Medamit;
- (b) The Northern Coastal Highway which was launched by Yang Amat Berhormat Premier on 1st November 2025 and is financed solely by the State Government;
- (c) Other projects also included construction of the dual carriage Jalan Nanga Medamit ke Pulau Brunei with funding under the Northern Region Development Authority (NRDA). This road will eventually be connected to the SSLR2; and
- (d) Jalan Simpang Sagan to Ulu Lubai which is also currently under construction.

So, thank you to Yang Amat Berhormat Premier and the State Government for these projects.

Naik Taraf Jalan

Tuan Speaker, sungguh pun demikian, masih banyak lagi jalan-jalan utama di kawasan Batu Danau yang perlu dinaik taraf. Antaranya adalah:

- (a) Jalan Bawang Ubor (Jalan Ulu Tubai) ke Tanah Merah; dan
- (b) Jalan Simpang Kubongke Ulu Pandaruan dan Nanga Medamit.

Untuk makluman, Jalan Ulu Tubai ini nanti akan bersambung dengan Jalan Mentawai menuju ke Gunung Buda.

Saya juga memohon pembinaan jalan ke Rumah Jampong, Melaban dan Rumah Lembong, Kampung Entakong. Pada masa ini, penghuni dari dua buah rumah panjang ini menggunakan bekas

jalan balak. *So, I hope this road can be included under the repair of the bekas jalan balak yang akan diambil alih pihak kerajaan.*

Bekalan Air Bersih

On Water Supply. Saya mengucapkan terima kasih kepada YAB Premier kerana sekali lagi telah memperuntukkan sebanyak RM409 juta di bawah Cadangan Belanjawan 2026 dan sejumlah RM402 juta lagi di bawah “*Alternative Funding*” untuk pelaksanaan pelbagai projek bekalan air yang cekap dan mampan.

Sehubungan itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memohon dua projek bekalan air untuk dilaksanakan di kawasan Batu Danau. Dua projek yang dimaksudkan adalah:

- (a) Dari Simpang Sagan ke Ulu Lubai yang meliputi empat buah rumah panjang, dua buah sekolah rendah dan sebuah klinik kesihatan. *Actually, I have mentioned and requested for this project as well in my previous debate in this Dewan.*
- (b) Daripada Nanga Medamit melalui Jalan Simpang Semena ke Kuala Medalam yang meliputi lima buah rumah panjang, sebuah sekolah dan sebuah klinik kesihatan.

Saya juga difahamkan kedua-dua projek sehingga ini belum dimasukkan dalam mana-mana program sama ada di bawah Sarawak Waters ataupun Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah.

Oleh yang demikian, saya berharap sebahagian daripada peruntukan ini dapat disalurkan untuk tujuan seperti yang saya nyatakan tadi.

Bekalan Elektrik Luar Bandar

Tuan Speaker, I note that a sum of RM46 million had been allocated for the implementation of various electricity projects in 2026 with another RM153 million under alternative funding for implementation of the Rural Electrification Scheme.

The amount included among others for implementation of Additional and Late Application Fund (ALAF) as well as Replacements of Batteries and key components for Stand Alone Solar System.

Oleh yang demikian, saya berharap kerja-kerja penggantian terhadap bateri dan komponen (SARES) lain bagi beberapa perkampungan Penan seperti Long Rayeh, Long Sulong, Kampung Kartadem, Pa Adang dan lain-lain perkampungan Masyarakat Penan di Ulu Limbang dapat diteruskan pelaksanaannya.

Saya juga berharap sebahagian daripada peruntukan di bawah Program ALAF ini dapat disalurkan bagi pelaksanaan program ini di kawasan Batu Danau kerana saya difahamkan senarai menunggu bagi permohonan penyambungan elektrik di bawah program ini masih panjang.

Kenaikan Elaun Ketua Kaum/ Masyarakat dan Kaunselor

Tuan Speaker, saya bagi pihak Ketua Kaum dan Ketua Masyarakat serta kaunselor dari kawasan Batu Danau khasnya ingin menyampaikan penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Kerajaan GPS di atas persetujuan untuk menaikkan elaun bulanan kepada mereka mulai Januari tahun depan. Saya percaya, penambahan jumlah elaun ini akan memberi mereka motivasi untuk meneruskan perkhidmatan masing-masing dengan lebih gigih dan cemerlang.

Pada beberapa sidang Dewan ini yang lepas, saya telah memohon pertimbangan Kerajaan Negeri supaya satu jawatan Penghulu bagi masyarakat Iban dan satu jawatan Penghulu bagi masyarakat Bisaya diwujudkan untuk kawasan bandar di Limbang. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kertas kerja serta permohonan juga telah dimajukan kepada pihak pentadbiran

menyatakan alasan-alasan keperluan jawatan ini diwujudkan. Oleh yang demikian, saya sekali lagi memohon supaya perkara ini diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Kawasan Limbang Sebagai Hab Pengeluaran Padi

Tuan Speaker, saya juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana mempunyai perancangan yang menyeluruh dalam usaha untuk mencapai 100% “self-sufficiency level” pengeluaran beras bagi menampung keperluan negeri Sarawak.

Sehubungan itu, sukacita sekiranya Dewan yang mulia ini dapat diberi maklum status terkini bagi program ini khususnya kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti untuk dibangunkan di Limbang amnya dan Batu Danau khasnya.

Selain daripada itu, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memohon supaya lebih banyak lagi ataupun diwujudkan semula *Agriculture Facilitation Fund* (AFF) bukan sahaja untuk pelaksanaan projek pertanian yang baru tetapi juga bertujuan penambahbaikan infrastruktur yang sedia ada seperti sistem perparitan di setengah-setengah kawasan pekebunan yang sudah lama tidak di selenggara untuk meningkatkan pengeluaran hasil.

Pada masa yang sama, saya juga memohon apa kiranya peruntukan secukupnya juga disediakan untuk penyelenggaraan jalan ladang yang amat diperlukan bagi meringankan beban pekebun kecil seperti penanam sawit dan buah-buahan di kawasan Batu Danau.

*Program Sarawak Education Enhancement Programme (SEEP)
dan Bantuan Pendidikan Lain*

Tuan Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada State Government in its continuous efforts in uplifting the quality of education and human capital through the implementation of various strategic thrust which included among others the Free Education for Sarawak Students, the Development of Sarawak International Schools, strengthening of Early Childhood Education, and the enabling of equitable Learning Opportunities.

I am happy to note that the Sarawak Education Enhancement Program (SEEP) will be continued in 2026.

Di kawasan DUN Batu Danau, terdapat hanya sebuah sekolah menengah yang terletak di Pekan Nanga Medamit. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, hampir keseluruhan murid di sekolah ini terdiri daripada anak-anak dari kampung dan rumah di kawasan luar bandar.

Sehubungan itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memohon supaya SMK Nanga Medamit dimasukkan di dalam program ini. Saya percaya program seperti ini akan dapat membantu pelajar-pelajar di sekolah ini untuk mencapai keputusan peperiksaan SPM yang lebih cemerlang. Keputusan yang baik sudah tentu boleh membantu pelajar-pelajar ini untuk meneruskan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi.

Terima kasih juga kepada kerajaan kerana telah meneruskan inisiatif dan program seperti “Free Laptop” pelajar tahun pertama peringkat diploma dan ijazah, baucar buku, subsidi pembayaran balik pinjaman PTPTN sebanyak 30%, serta bantuan yang lain seperti wang saku. Bantuan-bantuan ini sudah tentu dapat meringankan beban kewangan kepada pelajar-pelajar anak Sarawak yang menuntut di pelbagai institusi pengajian tinggi di seluruh negara.

Last but not least Tuan Speaker, projek kesihatan.

Timbalan Speaker: Gulungkan, Yang Berhormat.

Klinik Kesihatan Long Napir

YB Dato Paulus Palu Gumbang: My last point, Tuan Speaker. Projek Kesihatan. Klinik Kesihatan Long Napir ini telah kerap kali saya kemukakan pada sesi Dewan Undangan Negeri yang lepas sejak 2006 dan sehinggalah ianya diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) dengan kos lebih RM3 juta, di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia pada ketika itu. Kerja-kerja pembinaan klinik kesihatan ini telah dimulakan pada tarikh pemilikan tapak, iaitu pada 3 Oktober 2016 dan dijangka siap pada 2 Januari 2018. Bagaimanapun, pihak kontraktor tidak dapat menyiapkan projek dalam tempoh yang telah ditetapkan mengakibatkan penamatan kontraktor tersebut pada 12 Jun tahun yang sama.

Projek tersebut ditender semula pada Februari 2020. Namun, proses tender tidak berjaya memandangkan harga tender daripada pihak kontraktor pada ketika itu melebihi kos siling yang ditetapkan, iaitu RM7.3 juta. Since then, we have not heard of any further development on this project. Sehubungan itu, saya ingin mengetahui apakah status terkini bagi projek tersebut.

Conclusion

In conclusion, Tuan Speaker, sebelum saya duduk, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pegawai dan staf Dewan Undangan Negeri serta semua anggota perkhidmatan awam negeri dan persekutuan yang telah bekerja keras bagi menjayakan persidangan kali ini.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada Tuan Speaker kerana telah mengendalikan perjalanan prosiding Dewan yang mulia ini dengan cemerlang.

Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Krismas kepada rakan-rakan yang beragama Kristian dan selamat menyambut Tahun Baru 2026 kepada kita semua.

Dengan ini, saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Perbekalan (2026), 2025. Sekian, terima kasih.

Timbalan Speaker: Terima kasih, Yang Berhormat Batu Danau. Seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat Bukit Begunan. Dipersilakan.

YB Datuk Mong anak Dagang: Thank you, Tuan Speaker. Thank you very much Tuan Speaker for giving me the opportunity to participate in debate on Supply (2026) Bill, 2025, tabled by Yang Amat Berhormat, The Premier Sarawak, who is also ADUN for N.26 Gedong, on 24th November 2025. Tuan Speaker, before proceeding further, along with the other Ahli-ahli Yang Berhormat, I wish to express my sincere congratulations to Yang Amat Berhormat Premier for being conferred the Order of the Rising Sun, Gold and Silver Star by Japan.

The award amongst others, is a strong recognition of Yang Amat Berhormat Premier's outstanding contribution not only in championing environmental partnership in renewable and sustainable energy collaboration and biodiversity conservation between Japan and Sarawak, but also with other countries in Asia and the world over.

Secondly, Tuan Speaker, I wish to congratulate the Yang Berhormat Tuan Speaker on your reappointment as Speaker of this august House for the 10th termed, thus the longest serving Speaker in Malaysia. The reappointment is a manifestation of the Tuan Speaker's commitment, dedication and excellent performance.

Budget 2026

Now, Budget 2026. Tuan Speaker, since Yang Amat Berhormat, the Premier, helmed the top leadership of the state for the past five years. The state recorded a yearly budget of over RM10 billion.

The yearly surplus budget had strengthened the state financial position. This is reaffirmed by rating agencies such as *Malaysia Rating Corporation Berhad*, which accorded the triple A rating with stable outlook, while international rating agencies such as Standard & Poor's Global Rating affirmed minus A rating, while Moody affirmed an A3 rating and both of these rating agencies reported the stable outlook for the state of Sarawak. The ratings reflected the state's strong financial buffers, persistent financial surpluses and strong fiscal management.

Tuan Speaker, I wish to thank and congratulate Yang Amat Berhormat, The Premier, for tabling a very comprehensive budget that lay down a strong foundation for the state to diversify economic base, structural reform and in facing challenges. The budget prepares the state to migrate from linear economy to circular economy, transforming industries that are high on both the political and social agenda globally. Now, Tuan Speaker, I would like to touch on methods relating to my *kawasan*.

Batang Lupar, Granary Area

First, Batang Lupar, Granary Area. Tuan Speaker, the 2026 budget allocated substantial sum for the development existing and new paddy growing areas in an effort to increase paddy production self-sufficiency level, which has dropped to 21% from 30% a few years ago. Therefore, I wish to place on record on 19th of November 2025, the State Minister of Food Industry, Commodity, and Regional Development, Sarawak, made official visit to Project SMART SBB Block C, Tanjong Bijat Sri Aman, during the Ladang IADA Batang Lupar family day at that time.

For the information of this august House, Batang Lupar Granary area was NKEA project approved by Federal Government in 2012 as part of the food security program. Tuan Speaker, the visit showed the minister's concern and commitment to ensure project were implemented smoothly and successfully explained. Unfortunately, Tuan Speaker, the overall development of Batang Lupar granary area was very slow.

The cultivated area has not expanded and would remain so unless the Federal Government fully committed and take drastic measure to expedite the work. For the information of this august House, the community are supportive of the scheme but wanted assurance of better return compared to what they currently get from traditional conventional paddy planting.

On another note, secondly, Tuan Speaker, as I have said before, the Federal Ministry of Agriculture should work closely with the State Government and the Ministry of Food Industry, Commodity and Regional Development.

The state ministry have the capacity, the expertise and the human resources at their disposal. So, the Federal Government should engage with the state authority and not working in silo per se. Tuan Speaker, Batang Lupar Granary area covers an area of approximately 5,000 hectares.

So, I would like to propose to the State Government to take over the yet to be developed sectors or areas of Batang Lupar Granary area such as Seduku and Lingga/ Banting sectors. And then on another note, Tuan Speaker, another very important program in MFICORD, Program Agricultural Facilitation Farm, the Program Agricorp and farm road. Therefore, I hope in MFICORD will be allocated substantial fund to continue with this program which is very popular among farmers in rural areas.

Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)

Now number two, Tuan Speaker, PIBG, *Persatuan Ibu Bapa dan Guru*. PIBG is a very important platform for teachers and parents to interact, communicate and share ideas. In rural areas, PIBG played a very important role including organize program, to raise fund to support activities such as sports, other extracurricular activities and even tuition materials.

In my *kawasan*, I observed parents gave their full and undivided support to most of school activities. Though PIBG is an integral part of school organization, I was told the Federal Ministry of Education did not allocate fund to PIBG. So, it is up to the ingenuity of PIBG members to look for financial assistances. Unlike in big cities where there are many private corporate bodies which may be willing to assist but it is not the case in rural areas.

Therefore, I would like to propose to the State Government to allocate fund to school's PIBG particularly those in rural areas to enable them to carry out its activities for the benefit of the students.
Tuan Speaker,

Smallholder Oil Palm Planting Scheme

Tuan Speaker, Smallholder Oil Palm Planting Scheme offered by Agriculture Department is popular program among rural farmers.

In the past, this program was under MPOB. The said program had in a way improved the income and livelihood of rural farmers. However, Tuan Speaker, I was informed of late, the Agriculture Department is not continuing with the scheme anymore.

Without assistance, rural farmers who are interested to venture into oil palm planting for the first time will have difficulty to start and open up their land due to high startup costs which includes construction of access road, land clearing and planting materials.

Therefore, Tuan Speaker, since the program have proven successful in uplifting the livelihood of rural community, there is no reason to discontinue the program. After all, the government is trying ways and means to improve the livelihood of the rakyat with various programs and initiatives.

So, I would like to appeal to the department to reconsider and continue with the program. We always said Tuan Speaker, give the fisherman a fishing rod not the fish. Because with the fishing rod, the fisherman can go fishing.

Improvement of Lachau/ Kara/ Punggu Jingga Road

So, another area Tuan Speaker, is the improvement of Lachau/ Kara/ Punggu/ Jingga Road. Tuan Speaker, Jalan Lachau/ Kara/ Punggu Tingting could serve as alternative road in the event untowards incident happen at Bukit Begunan stretch of the Pan Borneo Highway. However, Lachau/ Kara/ Punggu Jingga Road, which is the R3 road, is winding with many sharp and dangerous bends.

This road also stretches up to Sungai Besai and Selanjan Angkong, serving 35 longhouses and four primary schools. Therefore, Tuan Speaker, I would like to propose to the Ministry of Infrastructure and Port Development to upgrade and expand Lachau/ Kara/ Punggu Jingga Road as an alternative or bypass to Bukit Begunan stretch of Pan Borneo Highway. Besides cars also plying or using this road are heavy trucks, lorries and trailers carrying oil palm fruits. There are two oil palm plantations in this area, Tuan Speaker.

Flood Mitigation Bund/ Embankment – Sunga/ Bakong/ Antik/ Stirau Ai

Now the flood mitigation bund/ embankment – Sunga/ Bakong/ Antik/ Stirau Ai. River embankment of flood mitigation bunds was constructed decades ago stretching from Stirau Ai-Antik-

Bakong to Sungai. Parts of the bunds and embankment caved in due to strong current or tidal bore in Batang Lupar. For example, early this month due to king tide and tidal bore, part of the river embankment collapsed, thus flooded. Most parts of the Kampung Melayu Bakong, in Sungai area.

Therefore, Tuan Speaker, Sri Aman Development Agency (SADA) had approved flood mitigation riverbank flood protection project for this area, that is Stirau Ai to Bakong and Sungai, and mitigation bund for Kampong Antik area as well. Therefore, I am requesting for the relevant agency to speed up with the implementation of these projects, already approved by SADA. In the meantime, I would request for relevant authority to maintain existing bunds to prevent further flooding in the area.

Rural Electrification Scheme (ALAF)

A few newly completed longhouses have submitted their applications for rural electrification scheme under ALAF. As in the case of Tuai Rumah Akong, Jungkong Asal, Lingga the old longhouse was burnt down many years ago and a new longhouse already completed but yet to be connected with electricity. For Tuai Rumah Gendi, Sungai Sembilang, Tuai Rumah Kedeny, Batu Besai and Tuai Rumah Angeline Bruin, Melugu are all new longhouses, because land at the existing longhouse could not or cannot accommodate additional household or *bilik*. The longhouses are, as I have said just now:

- (a) Tuai Rumah Akong, Jungkong Asal, Lingga;
- (b) Tuai Rumah Gendi, Sungai Sembilang, Lingga;
- (c) Tuai Rumah Kedeny, Batu Besari, Sri Aman; and
- (d) Tuai Rumah Angeline Bruin, Melugu, Sri Aman.

I hope the relevant ministry could kindly and seriously take necessary action.

Pantu Administrative Centre

New Pantu Administrative Centre has been identified at Sungai Merah area. I shall be most grateful if the relevant authority could kindly inform this august House the current status of the proposal since the current district office building at Pekan Pantu is overcrowded.

Engkeranji/ Gunung Lesung/ Banting Road

Timbalan Speaker: Sila gulung, Yang Berhormat.

YB Datuk Mong anak Dagang: Ya, I am concluding Tuan Speaker, thank you very much. I wish to report here that Engkeranji/ Gunung Lesung/ Banting Road, one of the projects under SADA, is now progressing very well. Therefore, I wish to thank the State Government under Yang Amat Berhormat Premier for approving the project.

So, in conclusion, Tuan Speaker, *dengan kesempatan ini saya ingin merakamkan terima kasih kepada Tuan Speaker, Timbalan Speaker dan semua kakitangan Dewan Undangan Negeri, pegawai-pegawai, jabatan-jabatan dan agensi kerajaan yang telah bekerja keras untuk memastikan persidangan kali ini berjalan dengan lancar.* As Christmas and New Year are approaching, I wish all Christian friends, Merry Christmas, to everyone *Selamat Menyambut Tahun Baru*. So, with the above comments, I support the Supply (2026) Bill, 2025. Thank you, Tuan Speaker.

Timbalan Speaker: Thank you, Yang Berhormat Bukit Begunan. Seterusnya, kita persilakan Ahli Yang Berhormat Pakan. Silakan.

YB Tan Sri William Mawan anak Ikom: Terima kasih, Tuan Speaker. Admittedly, I don't feel that comfortable not having spoken for far too long and well as I am the last one, I hope I could monopolise the whole remaining time...*(Interruption)*...

Timbalan Speaker: I would like to ask if there is any other Yang Berhormat who wishes to speak after Yang Berhormat Pakan. Kabong? Well, the last mohican, the last mohican. The two of them *lah*, Kabong and Beting Maro. Silakan Yang Berhormat Pakan.

YB Tan Sri William Mawan anak Ikom: Thank you, Tuan Speaker. Thank you for giving me the time to debate on this 2026 Budget in this august House as was presented by Yang Amat Berhormat Premier last November 24th, that was Monday.

The 2026 Budget presented by the Yang Amat Berhormat Premier at this Dewan Undangan Negeri outlines a visionary fiscal roadmap to propel Sarawak into a new era of prosperity while ensuring the benefits of the progress are equitably distributed across all segments of its diverse population.

I wish to congratulate the Yang Amat Berhormat Premier for his forward-looking leadership and commitment to break new frontiers to bring Sarawak to newer heights of development and progress.

Tuan Speaker, I acknowledged with pride that at its core, the Budget underscores a steadfast commitment to continue development, with significant allocations earmarked for key economic accelerators. The digital economy remains a cornerstone, fostering innovation and creating high value jobs, complemented by substantial investments in the green economy transition, particularly in renewable energy initiatives like hydrogen production and carbon capture projects, positioning Sarawak as a regional leader in sustainable energy.

Infrastructure development, encompassing improved connectivity, rural utilities like water and electricity, and smart city initiative continues to receive robust funding, viewed as stutters foundational to unlocking the state's full economic potential.

Distributive Growth

Equally pivotal is the emphasis on distributive growth, reflecting the state's resolve to foster an inclusive society where no one is left behind. A central focus is now on cultivating economic opportunities to bolster the growth of rural economies. This strategic effort is crucial for establishing an integrated system of shared prosperity, effectively weaving together urban and rural areas into a cohesive and mutually beneficial economic landscape.

The provision of robust social safety nets and human capital development by the Budget, with increased funding for education, vocational training, healthcare services, and affordable housing schemes, should go down well with the well-meaning Sarawakians across all social groups.

Inclusive growth

The state's economic strategy, which is firmly anchored in the principle of inclusive growth, has a clear focus on uplifting rural communities and the B40 income segment. This approach, implemented through targeted initiatives, will integrate these groups but as active contributors and primary stutter beneficiaries of ongoing economic development and not just as recipients.

The substantial support of small and medium enterprises, which are acknowledged as an essential catalyst for regional economic growth, lies at the heart of this framework. Additionally, significant funds are being allocated to agricultural modernization initiatives, which is a crucial step intended to improve local livelihoods and strengthen Sarawak's long-term food security.

Ultimately, these comprehensive efforts powerfully underscore the Yang Amat Berhormat Premier's unwavering commitment to social justice and egalitarian values, ensuring a more equitable economic landscape for all.

Bridging Rural-Urban Divide

The Yang Amat Berhormat Premier has articulated a clear vision, to leverage Sarawak's growing wealth and strategic resource management to bridge urban-rural disparities, enhance the overall quality of life for every citizen, and build a resilient, sustainable, and equitably prosperous Sarawak by 2030 and beyond.

For many of us from the rural areas, including the constituency of Pakan which I serve, the vision and planned strategies articulated by the Yang Amat Berhormat Premier are reassuring narrative that bolster our confidence and resolve to step up to the plate and engage on a wider plane of participation.

Equity and Partnership

Tuan Speaker, in this regard, I see the increasing involvement of rural residents in every aspect of rural development that ensures positive economic returns, where equity and partnership are emerging as key determinants of the rural economic roadmap. There is renewed hope and resolution, and there is clarity in the goals and passage to accomplishment.

The people of Pakan join me in welcoming with pride and delight the assurance by the Yang Amat Berhormat Premier that the government would continue to accelerate rural development and intensify the implementation of infrastructure projects to bridge the development gap between urban and rural areas, as well as between regions.

The popular narratives that will be further ingrained in the rural population's development language are strengthening regional economic development and enhancing urban-rural economic integration.

Clearly, it is a commitment to promote inclusive development and equitable wealth distribution to ensure no Sarawakian will be left behind. This would contribute to further bridging regional disparities and ensure that prosperity is shared among all segments of society. The sense of social justice and commitment to egalitarian values prevail.

Tuan Speaker, a major Government initiative to eliminate all rural classifications, no more rural, now we have rural, we have urban, it was already mentioned by Yang Amat Berhormat Premier that by 2030, has initiated something, to make sure that we do not have to refer this area as rural, this one as urban. He made the announcement at an official function quite recently.

This implies that by 2030, no section of the state would be classified as rural, and that deliberate steps will be taken to support the transformation of the rural environment and provide justification for the transition, from the transition, what was previously referred to as "*rural*" to what is ultimately "*urban*".

As emphasised by the Yang Amat Berhormat Premier, there is a need for a comprehensive, integrated approach that will successfully guide rural communities through a considerable transition to urban living, even though notable infrastructure developments have already begun to narrow the gap between rural and urban areas.

I would come and support wholeheartedly the proposal by Yang Amat Berhormat Premier to harness the economic potential of Sarawak's cascading river system.

I heard member for Telang Usan was talking quite passionately about this earlier on, centered under active participation of local inhabitants, it find it critical, ethical and structural blueprint in the values.

The Premier's focus on rooting this development in the rural base, positions the local communities, often the indigenous stewards of these waterways, not merely as employees but as primary stakeholders.

As ADUNs from the rural areas, we are expected to respond positively to the call by strategizing plans and integrating measured implementation plan into our local agenda. Beyond that, the onus is on us to promote the participatory development approach to other areas of economic potential in the rural areas.

I hope this subject on expanded rural equity participation gains traction and I hope there will be follow-up on this with seminar and community talks organized by NGOs in collaboration with the government. This is to create greater awareness and explore other opportunities for equity participation, all of which will contribute to generating rural economic wealth.

Tuan Speaker, even though you're not reminding me to wind, definitely I will be speaking wishing everybody Merry Christmas. I would rather conclude fast with my vision of the outlooks for Sarawak. The outlook for Sarawak's ongoing development trajectory is highly encouraging, confirming that the state is successfully executing its strategy for comprehensive and balanced growth.

This momentum is evident in the synchronized progress being made across both the urban and rural sectors. Sarawak's commitment to sustainability is serving as the foundational pillar of its planning.

Rather than being a peripheral consideration, sustainability is the definitive element shaping the state's roadmap, ensuring that all future strategy initiatives are built upon principles of long term environmental and social responsibility and unwavering unity. This integrated approach firmly positions Sarawak for enduring equitable prosperity.

Before I end my speech, Tuan Speaker, I would like to take this opportunity to wish Christian's friends Merry Christmas and to all Sarawakian Happy New Year and that whatever we have put in shall be blessed and shall be implemented hence seen successfully for our profit and greatness. With that, thank you very much.

Timbalan Speaker: Excuse me, thank you, Ahli Yang Berhormat for Pakan. I must put on record my appreciation to hear your speech which to me is a high class decent of English and well very nice to hear. Thank you, Yang Berhormat. Next, can I call Ahli Yang Berhormat for Kabong please.

YB Dato Mohd Chee bin Kadir: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. A very good afternoon to fellow Members of this august House.

Tuan Speaker, terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Bajet Sarawak 2026.

Pertama sekali, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Premier atas pembentangan Bajet 2026 yang jelas bersandarkan hala tuju jangka panjang negeri melalui PCDS 2030, dan bukan sekadar belanjawan tahunan biasa.

Kedudukan Kewangan Negeri – Kukuh dan Berdisiplin

Tuan Speaker, Bajet 2026 yang berjumlah RM12.91 bilion dengan unjuran pendapatan RM13.05 bilion menunjukkan Sarawak berada dalam disiplin fiskal yang kukuh. Kita masih mengekalkan lebihan bajet walaupun pembangunan negeri bergerak rancak. Ini bukan suatu yang mudah, lebih-lebih lagi ketika banyak negeri lain berdepan defisit berpanjangan.

In case we forgot, DAP Supremo then a Federal Minister of Finance stated that Sarawak might go bankrupt within three years if it continued with its annual budget of RM11 billion. As we all know, under the able leadership of YAB Premier, Sarawak did not go bankrupt and shall not go bankrupt as long as GPS is in power. In fact, that person is actually bankrupt of ideas and has nothing else to say.

Transformasi Pertanian Pemangkin Ekonomi Baharu

Tuan Speaker, saya menyambut baik fokus besar diberi kepada transformasi pertanian termasuk *precision farming*, *Agro Technology Park* (IOT) dalam agro dan *metropolitan food cluster*. Tetapi izinkan saya memberi dua cadangan:

Pertama, kita mesti memastikan petani kecil dan komuniti kampung tidak tercicir. Jangan sampai teknologi canggih ini hanya dikuasai syarikat besar dan golongan bermodal besar.

Kedua, saya mencadangkan agar kerajaan mewujudkan *Agri Adoption Grant*, geran kecil untuk petani kampung membeli peralatan asas automasi supaya mereka dapat ikut sama dalam arus transformasi moden ini.

Dasar Hijau Carbon Levy dan Climate Change Fund

Tuan Speaker, Sarawak mengambil langkah berani memperkenalkan *Carbon Levy* dan hasilnya akan disalurkan ke dalam *Climate Change Fund*. Ini menjadikan Sarawak negeri paling progresif dalam dasar iklim di Malaysia. Namun, saya menyarankan:

Pertama, mekanisme MRV, *Measurement, Reporting and Verification* perlu diperincikan dan dibentang secara berkala.

Kedua, kita memastikan industri tidak memindahkan kos levi kepada rakyat dengan menaikkan harga barang.

Kebajikan Rakyat Sumbangan Keperluan Asas Sarawak (SKAS) dinaikkan

Saya menyambut baik kenaikan bantuan asas terutama kepada kumpulan berpendapatan rendah. Menunjukkan kerajaan peka dalam tekanan kos sara hidup. Namun bantuan tunai ini bersifat jangka pendek. Saya menyarankan kerajaan memberi penekanan kepada penyelesaian struktur jangka panjang seperti penguatan rantai bekalan makanan, pemantauan harga barang keperluan dan penbedayaan ekonomi keluarga melalui program peningkatan pendapatan.

Pelancongan, Kebudayaan dan Identiti Sarawak

Tuan Speaker, peruntukan kepada projek seni, kebudayaan dan pelancongan merupakan pelaburan dalam *soft power* Sarawak. Projek seperti pusat seni, persembahan, taman air, gastronomi, pemuliharaan paya bakau dan muzium akan memperkayakan identiti negeri. Namun, saya meminta agar KPI yang jelas dibentang termasuk sasaran pelancong, nilai tambah ekonomi dan peluang pekerjaan.

Otonomi dan Peruntukan Persekutuan

Tuan Speaker, saya menyokong suara Yang Amat Berhormat Premier bahawa peruntukan persekutuan kepada Sarawak masih jauh daripada mencukupi. Dengan keluasan tanah kita, keperluan luar bandar dan status Sarawak sebagai pengeluar tenaga, Sarawak wajar mendapat peruntukan yang lebih signifikan daripada *federal*. Kita tidak meminta lebih daripada yang sepatutnya. Kita hanya menuntut keadilan.

Penambahbaikan Pelaksanaan Faktor Kritikal

Pada masa yang sama, saya ingin menekankan isu pelaksanaan. Bajet boleh sempurna, visi boleh hebat tetapi segalanya bergantung kepada kecekapan *delivery system*. Saya cadangkan audit berkala ke atas projek mega, KPI hasil, bukan KPI perbelanjaan dan memperkasakan Jabatan Teknikal dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Tuan Speaker, Bajet 2026 adalah bajet yang realistik, progresif dan berpandangan jauh, tetapi ia juga bajet yang menuntut disiplin pelaksanaan, ketelusan dan penglibatan rakyat dalam semua sektor pembangunan.

Tuan Speaker, dalam masa yang berbaki beberapa minit, saya ingin menyuarakan beberapa isu yang membelenggu penduduk-penduduk di kawasan DUN N.40 Kabong.

Isu Bekalan Elektrik di Kabong

Tuan Speaker, antara isu yang paling jadi rungutan ialah ketidakstabilan bekalan elektrik, *voltage fluctuation*, yang menyebabkan peralatan elektrik mudah rosak. Keadaan ini banyak berlaku di kawasan DUN N.40 Kabong. Selain itu, *tripping* yang berulang, terutama ketika cuaca buruk atau ketika penggunaan tinggi infrastruktur grid yang semakin uzur menyebabkan keupayaan talian sedia ada tidak dapat menampung pertambahan infrastruktur baru.

Masih terdapat penempatan berselerak (*scattered settlement*) yang belum disambung secara kekal memerlukan perhatian di bawah inisiatif kementerian yang berkenaan. Seterusnya, saya juga ingin merujuk kepada permohonan ALAF yang masih tertunggak. Saya memohon agar pihak berkenaan dapat mempercepatkan kerja menaik taraf grid Saratok–Kabong serta menambah baik tiang dan talian lama.

Isu Bekalan Air di Kabong

Tuan Speaker, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Kerajaan Sarawak, khususnya Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi serta Jabatan Bekalan Air Luar Bandar atas kejayaan menyiapkan projek *acute system* di Lichok, bahagian Betong. Sudah pastinya, projek ini ternyata memberi manfaat kepada tiga Dewan Undangan Negeri (DUN), iaitu DUN Kalaka, DUN Krian dan DUN Kabong. Akan tetapi, rakyat Ulu Roban masih ternanti-nanti, bilakah projek bekalan air yang telah lulus pada tahun 2021 dapat dimulakan.

Isu Jaringan Telekomunikasi dan Internet di Kabong

Tuan Speaker, akses internet kini merupakan keperluan asas, namun banyak kawasan di Kabong seperti Nyabor, Gerigat, Emplam, Plassu, Ulu Roban serta beberapa sekolah luar bandar masih mengalami liputan 4G yang lemah dan tidak stabil. Walaupun terdapat perancangan pembinaan menara telekomunikasi, manfaatnya belum benar-benar dirasai penduduk kerana kapasiti sedia ada tidak sepadan dengan peningkatan pengguna. Saya memohon agar Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak serta pihak penyedia *telco* mempertimbangkan pembinaan menara telekomunikasi baharu. Peningkatan liputan 4G kepada 5G di pusat tumpuan seperti Pekan Kabong dan Pantai Tanjung Kembang serta memberi keutamaan kepada sekolah luar bandar sebagai *high priority service area*.

Klinik Kesihatan – Perlu Lonjakan Baharu

Tuan Speaker, dua fasiliti kesihatan penting, iaitu Klinik Kesihatan Kabong dan Klinik Kesihatan Nyabor masing-masing memerlukan sebuah ambulans *type B* baharu bagi menggantikan ambulans lama yang sering mengalami kerosakan. Kos sebuah ambulans lengkap dianggarkan RM400,000 namun pelaburan ini sangat penting bagi memastikan respons kecemasan lebih pantas,

khususnya dengan pertambahan penduduk serta peningkatan aktiviti ekonomi di Kabong yang kini berstatus daerah penuh.

Tuan Speaker, Klinik Kesihatan Kabong kini beroperasi pada skala lima. Namun mengambil kira pertambahan populasi, peningkatan jumlah pesakit harian, status Kabong sebagai daerah penuh dan jarak yang agak jauh ke hospital terdekat, maka saya mencadangkan agar Klinik Kabong dinaik taraf kepada skala empat. Dengan skala empat, penduduk akan mendapat akses kepada perkhidmatan penting seperti kemudahan x-ray, kemudahan makmal (*lab*), klinik pergigian yang lengkap, *dietetic* dan pemakanan, perkhidmatan rehabilitasi (*full rehab*) dan unit *emergency* yang lebih komprehensif. Naik taraf ini akan memberikan impak besar kepada kesejahteraan rakyat Kabong serta mengurangkan tekanan terhadap hospital daerah lain. Adalah amat munasabah sekiranya sebuah hospital daerah dibina di Kabong agar rakyat di luar bandar pun dapat manfaat yang diperuntukkan oleh kerajaan kepada rakyat.

*Projek baik pulih ban pecah akibat Hakistan di Tebing Sungai Seblak
di Kampung Sungai Benang dan Empayang*

Tuan Speaker, saya telah dimaklumkan bahawa kerja *retreat* ban sepanjang 70–80 meter telah dilaksanakan oleh pihak *Department of Irrigation and Drainage (DID, Sarawak)* telah siap pada 13 November dan CPC telah dikeluarkan pada 16 November sebagai langkah mitigasi segera. Saya difahamkan input projek utama dengan siling RM21 juta akan meliputi lebih kurang 500 meter kerja fasa satu. Manakala, fasa dua dengan cadangan siling RM59 juta akan diteruskan sekiranya kelulusan diperoleh bagi melindungi keseluruhan jajaran tebing yang masih berisiko. Saya ingin bertanya kepada pihak DID, apakah pelan tindakan serta garis masa yang dirancang untuk fasa satu dan fasa dua sekiranya peruntukan tambahan diluluskan nanti? Perlu diingatkan kejadian ban pecah ini berlaku sejak tahun 2021 dan tindakan pembaikan belum lagi bermula hingga hari ini.

Isu Milikan Tanah - Sudah Disukat Tetapi Belum Menerima "Title"

Masih ramai pemilik tanah di beberapa kampung seperti Sessang, Kabong, Nyabor, Alit dan Emplam yang telah disukat sekian lama tetapi belum menerima "*Title*". Saya memohon agar proses dokumentasi dipercepatkan, semakan status dipermudah dan penyerahan geran tanah dibuat secara berkala di peringkat daerah...(Interruption)...

Timbalan Speaker: Ahli Yang Berhormat, ada...(Interruption)...

YB Dato Mohd Chee bin Kadir:...Ya?

Timbalan Speaker: Ada panjang lagi?

YB Dato Mohd Chee bin Kadir: Ada...(Interruption)...

Timbalan Speaker: Sebab saya ini lemah semangat sebenarnya kalau Ahli Yang Berhormat membawa kes ataupun masalah daripada kawasan. Saya, apa nama, segan nak *nyuruh winding up*lah, jadi kalau dapat *you shorten it*...(Interruption)...

YB Dato Mohd Chee bin Kadir: Ya, ya, saya cuba.

Timbalan Speaker: *Berik* chance a bit *dengan* you because, since you and Beting Maro are the last two speakers, okay?

YB Dato Mohd Chee bin Kadir: Most obliged...(Interruption)...

Timbalan Speaker: Ya.

YB Dato Mohd Chee bin Kadir: Tuan Speaker. Masih ramai pemilik tanah di beberapa kampung seperti Sessang, Kabong, Nyabor, Alit dan Emplam yang telah disukat sekian lama tetapi belum menerima "Title". Saya memohon agar proses dokumentasi dipercepatkan, semakan status dipermudah dan penyerahan geran tanah dibuat secara berkala di peringkat daerah. Pemilikan tanah yang sah meningkatkan keyakinan rakyat untuk membangunkan tanah masing-masing.

Pembangunan Ekonomi Lokal: Nelayan, Usahawan dan Pelancongan

Pembangunan ekonomi lokal Kabong perlu memberi fokus kepada nelayan, usahawan dan pelancongan. Pendapatan nelayan masih bergantung kepada musim. Maka sokongan seperti bantuan bot, enjin dan jaring moden harus diperkasa. Isu had umur 40 tahun bagi lesen sampan khas turut menyukarkan nelayan muda berumur 18 hingga 40 tahun. Had umur wajarlah diturunkan kepada 18 tahun agar lebih inklusif, meningkatkan pematuhan peraturan, mengurangkan bot tanpa lesen serta memastikan kebajikan komuniti nelayan yang menjadi tulang belakang ekonomi pesisir Kabong. Saya memohon agar Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perikanan Sarawak dapat menilai semula syarat umur, agar ia lebih inklusif dan tidak membantutkan peluang golongan belia nelayan untuk menceburi pekerjaan yang sah, stabil dan memberi pendapatan kepada keluarga mereka.

*Pelancongan – Kabong International Beach Trail Marathon (KIBTM) dan
Kabong International Kite Festival (KIKF) sebagai Pemangkin Ekonomi*

Kabong semakin dikenali di peringkat global melalui KIBTM dan KIKF yang bukan sahaja mempromosikan pelancongan malah merancakkan ekonomi komuniti seperti *homestay*, jualan makanan, penggiat seni kreatif dan kraftangan. Maka, saya memohon agar *Kabong International Beach Trail Marathon* (KIBTM) dimasukkan dalam kalendar pelancongan rasmi Sarawak dengan sokongan dana khas untuk penganjuran yang lebih tersusun dan bertaraf antarabangsa. Atas kekangan masa, perkara-perkara berikut perlu diberi perhatian oleh pihak-pihak yang berkaitan:

- (a) Pelantikan KMKK dalam daerah Kabong terutama pemanca dan penghulu;
- (b) Pembersihan parit sepanjang jalan utama Kabong;
- (c) Keperluan diadakan stesen minyak di Kabong;
- (d) Struktur jalan utama Roban – Kabong;
- (e) Penubuhan sebuah bank di pekan Kabong;
- (f) Penyalahgunaan dadah/ judi *online*;
- (g) Perkhidmatan feri pekan Kabong/ Kampung Paloh;
- (h) Pembinaan Masjid Kampung Sessang Baharu; dan
- (i) Anjung usahawan di Kabong.

Penutup

Sokongan Kepada Rang Undang-undang (RUU) Perbekalan dan Harapan untuk Kabong

Tuan Speaker, segala usaha yang dirancang dan dilaksanakan tidak kira melalui peruntukan pembangunan projek infrastruktur mahupun inisiatif kesejahteraan rakyat, amatlah saya hargai bagi memastikan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar terus dirapatkan demi masa depan rakyat kita.

Saya juga ingin menegaskan bahawa segala isu yang saya bangkitkan tadi bukan bertujuan mengkritik tetapi sebagai suara rakyat Kabong yang mengharapkan perhatian dan tindakan susulan yang tuntas daripada pihak kerajaan dan jabatan-jabatan teknikal yang berkenaan. Harapan saya mudah, biarlah pembangunan yang dirancang benar-benar sampai ke akar umbi agar memberi manfaat terus kepada keluarga dan komuniti di kampung serta memperkukuhkan kualiti hidup rakyat di kawasan saya. Dengan itu, Tuan Speaker, Kabong menyokong Rang Undang-undang Perbekalan (2026), 2025 serta Usul merujuk Resolusi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan tahun 2026. Sekian, berbilang-banyak terima kasih.

Timbalan Speaker: Terima kasih, Yang Berhormat. Seperti saya kata tadi, masalah kawasan lebih-lebih lagi di *rural areas*, bila diketengahkan saya sangat bersimpati dan saya akan memberi sebaik-baik ruangnya kepada Yang Berhormat yang berdebat, lebih-lebih yang di penghujung masa seperti ini. Tapi ini bukan bermakna, Yang Berhormat Beting Maro boleh mengambil masa sewenang-wenangnya, ya. Tolonglah, ya buat sebaik-baiknya. Walaupun janganlah bercakap macam N.1 Opar seperti 100 m *speech, ok. Slow and steady*, Yang Berhormat, terima kasih.

YB Dato Haji Razaili bin Haji Gapor: Terima kasih, Tuan Speaker. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam Sarawak Maju Makmur, Salam *Segulai Sejalai*.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberi ruang untuk saya turut serta di dalam Perbahasan Belanjawan 2026 ini.

Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Premier Sarawak, Menteri Kewangan dan Ekonomi Baharu, ADUN N.29 Gedong atas pembentangan Belanjawan 2026 pada 24 November 2025 yang lalu. Di kesempatan ini, saya mewakili warga N.29 Beting Maro, ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Premier Sarawak atas penganugerahan "*the Order of the Rising Sun, Gold and Silver Star*" oleh Kerajaan Jepun pada 3 November 2025 iaitu sebuah pengiktirafan bertaraf antarabangsa yang bukan sahaja mengangkat ketokohan beliau tetapi turut mengharumkan nama Sarawak di persada global.

Tuan Speaker, Belanjawan Sarawak 2026 berjumlah RM12.1 bilion dengan unjuran hasil negeri sebanyak RM13.5 bilion dijangka menjana lebihan sebanyak RM 144 juta. Ini adalah cerminan tadbir urus fiskal yang *prudent* dan ketelitian pentadbiran kewangan negeri. Belanjawan yang bertemakan memperkasa rakyat, memajukan kemakmuran, membina masa depan berdaya tahan adalah Belanjawan yang berorientasikan pembangunan dan berfokuskan luar bandar, memperkukuhkan kedudukan fizikal negeri, meningkat kesejahteraan sosial, memposisikan Sarawak sebagai hab tenaga boleh diperbaharui dan tenaga hijau serta mempercepatkan pembangunan selaras dengan PCDS 2030.

Tuan Speaker, saya bersyukur dan berterima kasih kepada kerajaan kerana telah menubuh *Betong Divisional Development Agency* (BDDA) dengan peruntukan RM1.5 bilion. BDDA dijangka dapat mempercepatkan pembangunan infrastruktur dan ekonomi di Beting Maro. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan merakamkan penghargaan kepada kakitangan-kakitangan terutamanya BDDA, Pejabat Residen, JKR, DID, MDB, *Land and Survey*, Jabatan Pertanian, SNDB dan Pejabat Daerah di atas kerjasama dan komitmen bagi merealisasikan projek-projek pembangunan di bawah BDDA ini.

Tuan Speaker, melalui BDDA Beting Maro dibangun sebagai Hab Industri Nipah Sarawak dan pengeluar gula apong bermutu dan terbesar di Malaysia. Nipah apong bukan sekadar tanaman tradisi tetapi aset ekonomi berdaya maju yang sesuai dengan ekologi pesisir dan mempunyai permintaan pasaran yang kukuh bukan sahaja di Sarawak tetapi juga di peringkat antarabangsa.

Beting Maro kini sedang membangunkan dua ladang nipah komersil dan membina pusat pengumpulan, pemprosesan dan pembungkusan gula apong moden yang pertama di Sarawak. Yang Amat Berhormat Premier Sarawak sendiri telah mengumumkan hasrat kerajaan untuk membangunkan jenama aiskrim gula apong Sarawak untuk pasaran eksport. Lembaga Pembangunan Sagu dan Nipah, SNDB akan mengetuai usaha ini termasuk kajian penjenamaan dan pembangunan produk nilai tambah dari nipah.

Tuan Speaker, terima kasih kepada YAB Premier kerana telah melulus cadangan pembangunan *Agro Park* seluas 10,000 hektar di kawasan Saribas Tengah yang merangkumi kawasan Beting Maro. Kerajaan diharap dapat membangunkan *Agro Park* ini untuk pertanian berskala besar, komersil, moden, guna teknologi IOT, AI Digital serta R&D moden. Di samping

nipah, Beting Maro sedang membangun ladang nanas, kelapa dan pisang komersil secara berkelompok. Aktiviti penternakan lembu, kambing, ayam dan itik serta ternakan udang juga sedang diusahakan. Ini dijangka dapat menyumbang kepada keterjaminan makanan Sarawak, membuka peluang pekerjaan dan meningkat pendapatan warga Beting Maro.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan RM233 juta untuk sembilan projek jelapang padi di Sarawak termasuk di kawasan Batang Lupa. Saya berharap agar Beting Maro dapat dimasukkan dalam perancangan ini sebagai salah satu tapak pembangunan jelapang padi yang moden dilengkapi dengan elemen R&D *Precision Irrigation* dan sistem pengurusan air yang sistematik. Dalam masa yang sama, Bajet Sarawak 2026 telah memperuntukkan RM300 juta untuk pemodenan pertanian di seluruh Negeri Sarawak. Saya berharap sebahagian daripada peruntukan ini dapat dimanfaatkan untuk mempercepat pembangunan infrastruktur pertanian di Beting Maro termasuk sistem pengaliran jalan ladang, *Agro Park*, *Agro Mini Processing Centre* dan kemudahan pasca tuai. Di samping itu, saya juga ingin memohon kerajaan dan MFICORD supaya dapat menyambung program AFF dan Agro Corp di tahun 2026 agar dapat memfokuskan bantuan berupa peralatan moden kepada petani-petani kita di seluruh Negeri Sarawak.

Tuan Speaker, permohonan perikanan. Negara mencatat pengeluaran perikanan pada tahun 2024 sebanyak 1.91 juta metrik tan menyumbang RM11.8 bilion kepada KDNK. Daripada 1.91 juta metrik tan, sebanyak 1.3 juta metrik tan adalah dari perikanan tangkapan. Manakala 511,000 metrik tan dari akuakultur.

Dimaklumkan bahawa sebahagian besar sumber perikanan tangkapan negara berada di perairan EEZ Sarawak menjadi sektor perikanan tangkapan akuakultur berpotensi dibangun bagi menyumbang pendapatan kepada Negeri Sarawak. Untuk makluman, Sarawak adalah pengeluar ikan tilapia negara. Namun begitu, dengan kekurangan infrastruktur perikanan, kelemahan pengawasan sumber serta kelemahan institusi, potensi sebenar sumber marin dan akuakultur Sarawak masih belum dieksploitasi sepenuhnya.

Untuk merealisasikan potensi penuh sumber perikanan Sarawak, saya mencadangkan kerajaan meningkatkan infrastruktur perikanan seperti pusat pendaratan dan pemprosesan hasil ikan bagi menampung peningkatan pengeluaran dan dicadang Sarawak menubuh sebuah agensi negeri khusus bagi mengawal selia dan membangunkan potensi sumber marin dan akuakultur Sarawak secara mampan dan lestari. Ini akan memberi manfaat kepada masyarakat nelayan di seluruh negeri Sarawak.

Tuan Speaker, izinkan saya untuk mengemukakan beberapa isu kawasan DUN Beting Maro yang memerlukan perhatian Dewan ini.

Perkhidmatan Kesihatan

Klinik Kesihatan Pusa dan Beladin memerlukan lebih banyak peralatan dan perkhidmatan kesihatan seperti perkhidmatan diagnosis, x-ray, ujian makmal, haemodialysis dan pergigian yang diperlukan untuk pemeriksaan kesihatan yang lebih lengkap dan menyeluruh. Rakyat juga mengharap masa menunggu pesakit luar untuk mendapat rawatan di klinik ini dapat dikurangkan. Sementara ruang menunggu di klinik ini yang sesak dan tidak mencukupi ditambah dan dibesarkan. Justeru itu kerajaan dipohon dapat membesarkan Klinik Pusa dan Beladin di samping menambah perkhidmatan dan menambah kakitangan termasuk doktor supaya masa menunggu dapat dikurangkan dan kualiti khidmat kesihatan dapat ditingkatkan.

Perumahan Mampu Milik

Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana melulus projek pembinaan Rumah Spektra Permata di tapak Perumahan Rakyat Pusa pada tahun 2021 namun hingga kini belum dilaksanakan. Justeru saya mohon HDC beri penjelasan. Kepada LCDA saya juga ingin bertanya

apakah status projek pembinaan Spektra Permata di SPK Beladin yang telah diluluskan oleh YAB Premier. Saya juga ingin bertanya kepada LKIM dan LCDA bilakah baki 202 unit projek perumahan penempatan nelayan Beladin dapat disiapkan sepenuhnya. Kepada LKIM diminta supaya empat unit rumah yang sudah siap segera diserahkan kepada nelayan yang layak.

Skim Pembesaran Kampung

Saya mohon dan merayu kerajaan dapat menyediakan peruntukan dalam Bajet 2026 dan RMK-13 untuk melaksanakan projek SPK Beting Maro, SPK Sepinang, SPK Beladin, SPK Tambak dan SPK Kalok yang telah diluluskan bagi membolehkan rakyat Beting Maro memiliki lot untuk membina rumah sendiri.

Kompleks Pendaratan Ikan dan Slipway

Kompleks Pendaratan Ikan Beladin bernilai RM20 juta yang dilulus pada 2012 sehingga kini belum dioperasikan untuk manfaat nelayan setempat. Projek *Slipway* RGC Beladin yang dah siap pada tahun 2010 masih juga belum dioperasikan. Mohon perhatian dan tindakan segera LKIM dan LCDA.

Hakisan dan Pemulihan Tebingan

Kampung Beladin menghadapi hakisan tebingan yang kritikal memerlukan intervensi segera kerajaan bagi melindungi rumah dan kemudahan termasuk dataran tebingan dan tambatan bot nelayan Beladin. Melalui projek grid disediakan oleh DID Sarawak peruntukan sebanyak RM146 juta diperlukan bagi melaksanakan projek benteng penahan hakisan, pembinaan semula waterfront tambatan bot dan kerja pemuliharaan kawasan tebing sungai Kampung Beladin.

Pusat Inkubator Usahawan dan Lesen Perniagaan

Selaras dengan program keusahawanan negeri, saya mohon kerajaan membina pusat inkubator usahawan di Pusa dan Beladin bagi kemudahan usahawan terutamanya usahawan muda kalangan belia Beting Maro. Di samping itu, terdapat 200 peniaga kecil di Daerah Pusa masih menunggu untuk mendapatkan lesen perniagaan. Kerajaan adalah diminta untuk memudah syarat dan proses untuk mendapatkan lesen tersebut. Lesen niaga untuk peniaga kecil dan usahawan yang baru di luar bandar dapat merangsang ekonomi desa dan meningkat pematuhan terhadap undang-undang.

Bekalan Air Bersih Sarawak

Kampung Beting Maro adalah kampung yang masih belum mendapat bekalan air bersih di DUN Beting Maro. Saya mohon supaya kerajaan mempercepatkan pelaksanaan projek pembekalan air bersih terawat di Kampung Beting Maro yang sudah sekian lama mengharap dan menunggu. Terima kasih kepada Kementerian Utiliti kerana membina 10 MLD *Acute Water Treatment* di Maludam yang menstabilkan pembekalan air di Kampung Beladin, Sepinang dan Semarak. Bagi mengatasi tekanan air rendah di kawasan Pusa, Beladin, Sepinang dan Semarak adalah dicadang kerajaan membina *high level tank* di Pusa, Beladin dan Sepinang.

Jalan Penghubung Kampung

Jalan penghubung Kampung Beting Maro–Pusa telah diluluskan oleh KDKW dalam RMK Ke-10 tapi hingga kini belum dilaksanakan. Saya mohon kerajaan dapat segera melaksanakan projek pembinaan jalan penghubung Pusa–Beting Maro ini. Di samping itu, saya ingin bertanya apakah status Projek Pembinaan Jalan Penghubung Kampung Beladin–Kampung Buda?

Gejala Sosial Rumah Judi

Pengaruh negatif tempias kemajuan telah membawa wujudnya gejala sosial yang telah merosak nilai murni masyarakat. Gejala salah guna dadah, pil khayal, judi *online* dan pengambilan minuman beralkohol khususnya dalam kalangan belia bertambah berleluasa di daerah Pusa. Saya menyambut baik ketegasan dan komitmen Pesuruhjaya Polis Sarawak untuk membanteras gejala sosial termasuk judi *online*. Saya mohon PDRM dan PBT memerangi isu rumah judi *online* dan salah guna dadah yang serius di Kampung Beladin dan Pusa. Kerajaan juga diminta untuk melihat semula undang-undang berkaitan gejala sosial dadah dan lesen premis perniagaan yang disalahgunakan.

Sebagai penutup, saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Krismas kepada semua penganut Kristian, selamat menyambut Hari Raya Cina kepada Kaum Cina dan selamat menyambut Tahun Baru 2026 kepada semua. Saya akhiri ucapan saya dengan dua rangkap pantun:

*Negeri Sarawak ibu pertiwi,
Geopark Santubong warisan bumi;
Tuan Speaker tegas bijak bistari,
Perbahasan bajet setulus hati.*

*Daun selasih permainan budak,
Bunga melur berbau wangi;
Bertaut kasih bercerai tidak,
Panjang umur berjumpa lagi.*

Tuan Speaker, dengan ini saya mohon menyokong jaga Sarawak, *intu* Sarawak, utamakan Sarawak. Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Timbalan Speaker: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Beting Maro.

*Dalam perjalanan hati berduka,
Angin taufan ternyata negeri;
Salam perpisahan buat seketika,
Isnin depan bersidang lagi.*

With that, Ahli-ahli Yang Berhormat, the sitting is now adjourned, and House shall resume its sitting at 9.00 a.m on Monday, 1st December 2025. Insya-Allah.

(Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 4.48 petang)